



ARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT P
ARLIMEN KEDUABELAS 2011

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI KHAMIS : 31 MARCH 2011

CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
JAWAB LIS AN YANG TID AK DAPAT DI JAWAB DIDALAM
DEWAN (SOALAN NO. 6,11 HINGGA 67)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SO ALAN NO. 1 HINGGA 5,7 HINGGA 10
[RUJUK PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]**

SOALAN NO

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN
DARI PADA**

LISAN

**Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI
MOHD. YUSOFF**

KAWASAN RANTAU PANJANG 31 MAC 2011 (KHAMIS)
TARIKH

SOALAN:

**Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF (RANTAU
PANJANG)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah
Kerajaan sedar keperluan membesarkan jalan di Pekan Rantau
Panjang dan sekitarnya yang terlalu sempit dan sering berlaku
kesesakan di cuti dan perayaan yang membahayakan penduduk
setempat. Apakah penyelesaian jangka pendek dan jangka
panjang.

J A WAP AN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Kementerian Kerja Raya sememangnya prihatin dan mengambil maklum mengenai isu kesesakan trafik di pekan Rantau Panjang, Kefantan khususnya pada musim cuti persekolahan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini Jalan Persekutuan FT03 yang menghubungkan Rantau Panjang - Pasir Mas mencatatkan aliran trafik yang sederhana tinggi, iaitu 17,500 kenderaan sehari. Walau bagaimanapun, kesesakan trafik tertumpu di kawasan pekan Rantau Panjang, khususnya pada hari minggu dan musim cuti persekolahan. Rangkaian jalan raya di kawasan tersebut terletak di bawah bidang kuasa dan seliaan Pihak Berkuasa Tempatan, iaitu Majlis Daerah Pasir Mas.

Namun demikian, Kerajaan Persekutuan telah mengambil beberapa langkah proaktif untuk membantu bagi meringankan masalah kesesakan di Rantau Panjang. Ini termasuk projek membina Jalan Pintas di antara Jalan Banggol Kulim-Rantau Panjang sepanjang

1. 8 kilometer dengan kos projek sebanyak RM5.3 juta. Projek di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) ini telah dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) dan siap dibina pada tahun 5 November 2009 dengan kos sebanyak RM5.3 juta. Dengan siapnya jalan ini, pengguna khususnya penduduk tempatan tidak lagi perlu memasuki pekan Rantau

Panjang untuk ke lokasi mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian Kerja Raya menerusi Bahagian Perancang Jalan bersedia membantu Kerajaan Negeri bagi merangka Pelan Induk Pengangkutan Bandar di Rantau Panjang (kawasan Zon Bebas Cukai). Ini boleh dilaksanakan menerusi kajian pengangkutan bandar oleh juru perunding trafik yang dilantik oleh kementerian ini. Walau bagaimanapun, ia tetakluk kepada kebenaran Kerajaan Negeri, khususnya Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE

[SETIU]

TARIKH 31 MAC 2011

SOALAN

Dato' Mohd Jidin bin Shafee [Setiu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status program pendermaan organ manusia di kalangan rakyat dan apakah reaksi yang diberikan serta apa pula program- program kesedaran yang telah dilaksanakan.

Tuan Yang DiPertua,

SOALAN NO : 12

Jumlah pengikrar penderma organ dan tisu telah menunjukkan peningkatan sepanjang 11 tahun lepas (2000-2010). Sehingga 31 Disember 2010, jumlah keseluruhan rakyat Malaysia yang telah berikrar untuk menderma organ dan tisu selepas kematian adalah 151,567 orang. Pada tahun 2010 sahaja, terdapat 13,146 pengikrar baru.

Daripada jumlah 151,567 orang pengikrar pendermaan organ, 57 peratus berketurunan Cina, 24 peratus berketurunan India, 16 peratus berketurunan Melayu dan 3 peratus dari lain-lain keturunan. Jumlah pengikrar berketurunan Melayu juga telah meningkat sepanjang 5 tahun lepas. 54 peratus pengikrar adalah lelaki manakala selebihnya adalah wanita (45 peratus).

Mereka yang berusia dalam lingkungan 21 hingga 30 tahun merupakan kumpulan pengikrar tertinggi iaitu 33 peratus, diikuti kumpulan umur 31 hingga 40 tahun 19 peratus, dan kumpulan umur 11 hingga 20 tahun 17 peratus.

Tuan Yang di-Pertua,

Penderma organ / tisu kadaverik merupakan mereka yang menderma organ selepas kematian dengan kebenaran daripada ahli keluarga atau waris. Perolehan organ tidak akan dilakukan jika kebenaran daripada ibu bapa atau waris tidak diperolehi.

Sehingga 31 Disember 2010, jumlah keseluruhan penderma kadaverik ialah 309 orang. Jumlah penderma organ dan tisu kadaverik menunjukkan peningkatan tahun ke tahun iaitu pada tahun 2006 seramai 25 penderma,

tahun 2007 (25 penderma), tahun 2008 (26 penderma), tahun 2009 (39 penderma), dan tahun 2010 (38 penderma).

Daripada jumlah keseluruhan penderma kadaverik, 58 peratus penderma berketurunan Cina, 26 peratus penderma India, 5 peratus Melayu, dan 7 peratus lain-lain keturunan.

Tuan Yang DiPertua,

Aktiviti-aktiviti promosi pendermaan organ dijalankan oleh Jawatankuasa Bertindak Kesedaran Awam Pendermaan Organ yang ditubuhkan di bawah Kementerian Kesihatan.

Sehingga kini reaksi masyarakat terhadap pendermaan organ adalah positif. Ini adalah ekoran daripada pelbagai aktiviti promosi pendermaan organ yang dijalankan sama ada di peringkat kebangsaan dan juga negeri. Pelbagai pihak telah tampil memberi kerjasama dalam menjayakan aktiviti promosi melibatkan agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pihak swasta, pihak media, Institusi Pengajian Tinggi, serta pihak individu.

Antara aktiviti promosi dan pendidikan yang dijalankan sepanjang tahun 2010 termasuklah:-

1. Minggu kesedaran pendermaan organ
2. Kempen Media pendermaan organ
3. Program Usahasama KKM - Pos Malaysia
4. *Roadshow Promosi Pendermaan Organ*
5. Seminar Pendidikan Pendermaan Organ
6. Aktiviti Bersemuka (forum, kaunter pendaftaran, pameran, kuiz)
7. Latihan kepada anggota kesihatan
8. Penerbitan bahan pendidikan

SOALAN NO: SS

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

TARIKH RUJUKAN

**YB. TUAN TAN KOK WAI SOALAN
[CHERAS]**

Tuan Tan Kok Wai

KHAMIS, 31 MAC 2011

WILAYAH

[Cheras] minta MENTERI

KESEJAHTERAAN

08 [PR-000- L41595]

PERSEKUTUAN DAN

BANDAR

menyatakan

kedudukan kemiskinan dan kemiskinan tegar warga kota sepanjang 3 tahun kebelakangan dan program pembasmian yang telah dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Cheras, berdasarkan daftar eKasih, Ketua Isi Rumah (KIR) miskin dan miskin tegar yang telah disahkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sepanjang 3 tahun kebelakangan adalah seperti berikut

:

STATUS MISKIN	BIL. KIR			
	DISEMBER 2008	SEPTEMBER 2009	DISEMBER 2010	SEHINGGA 28 MAC 2011
Miskin Tegar	79	125	1	203
Miskin	192	271	147	1070

(Sumber : eKasih, ICU, JPM)

Manakala, bantuan dan projek yang dilaksanakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) di bawah Program

Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) untuk golongan miskin tegar dan miskin di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dari 2008 hingga 2010 adalah seperti berikut:

- i) Bantuan Perumahan Keluarga Miskin Bandar;
- ii) Pengurangan Beban Tanggungan Keluarga Miskin;
- iii) Pendidikan dan Latihan;
- iv) Bantuan Ihsan / Kesejahteraan Bandar; dan
- v) Program ASW - Bandar.

SJ.B/(104)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN]

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 31.03.2011

Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta MENTERI KEWANGAN

menyatakan apakah mekanisme penentuan harga petrol RON97 diguna pakai berikutan harga minyak global semakin meningkat, terutama berlaku krisis dalam Republik Mesir yang boleh menjaskan operasi Terusan Suez sebagai jalan air perdagangan utama bagi komoditi minyak mentah.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, semasa pelaksanaan program rasionalisasi subsidi pada 16 Julai 2010, harga jualan petrol RON97 telah diapungkan secara terkawal (*managed float*). Ini bermaksud Kerajaan akan menetapkan harga jualan RON97 pada setiap bulan melalui Mekanisme Harga Automatik (APM). Harga jualan ini akan ditentukan selaras dengan perubahan harga minyak di pasaran. Sungguhpun harga minyak semakin meningkat berikutan pergolakan politik di Timur Tengah, Kerajaan masih menggunakan kaedah penetapan harga jualan RON97 seperti sedia ada.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

**Y.B. DATO' HAJI WAN ABD
SOALAN 14
RAHIM BIN WAN ABDULLAH**

[KOTA BHARU]

TARIKH

31 MAC 2011

SOALAN

Meminta MENTERI

DARIPADA

PELANCONGAN menyatakan:

Adakah Kerajaan bercadang mempelawa Exco Pelancongan Kerajaan Negeri-negeri turut sama dalam rombongan Kerajaan mempromosikan pelancongan di luar negara pada tahun ini?

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan Malaysia melalui agensinya Tourism Malaysia sentiasa berusaha mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan terunggul di rantau ini. Justeru, Tourism Malaysia sentiasa memaklumkan kepada Unit Pelancongan Kerajaan Negeri untuk menyertai pameran-pameran pelancongan antarabangsa seperti The Arabian Travel Mart (ATM), Dubai, UAE, Internationale Tourismus Bourse (ITB), Berlin, Jerman dan World Travel Mart (WTM), London, United Kingdom.

Tuan Yang di-Pertua,

Lanjutan daripada itu, Pejabat-pejabat Pelancongan Negeri akan mengenalpasti aktiviti-aktiviti promosi pelancongan luar negara yang bersesuaian untuk dimaklum dan dicadangkan kepada Exco-exco Pelancongan Kerajaan Negeri untuk disertai. Walau bagaimanapun segala kos yang terlibat bagi penyertaan adalah di bawah tanggungan kerajaan negeri masing-masing. Antara Exco- exco Pelancongan yang pernah mengikuti rombongan Kementerian Pelancongan dan Tourism Malaysia ialah Exco

Pelancongan Terengganu iaitu ke pameran ITB 2008, ATM 2010 dan WTM 2010 serta Exco Pelancongan Pulau Pinang ke pameran WTM 2008, ITB 2009 dan ATM 2010.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISA
DARI PADA	N
TARIKH	Y.B. DATO ¹ HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB (MARAN)
	31.03.2011

SOALAN:

Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB [MARAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan berdasarkan kepada perkembangan semasa taraf pelajaran dan pendidikan di negara ini dilihat tidak seiring dengan persaingan perkembangan dan pembangunan ekonomi negara. Justeru itu, adakah kerajaan menerusi Kementerian Pengajian Tinggi berhasrat untuk menghapuskan kelas-kelas tingkatan 6 bawah dan atas serta menggantikannya dengan pusat pengajian bertaraf Kolej Universiti yang ditempatkan di setiap Parlimen atau daerah di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pelaksanaan Rancangan Asal Penjenamaan Semula Tingkatan 6 ini adalah tertakluk kepada kelulusan pihak pengurusan tertinggi Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan dijalankan secara berperingkat. Antara cadangan yang dikemukakan dalam rancangan ini adalah seperti berikut:

- i. Murid Tingkatan 6 dikenali sebagai 'pelajar Pra-U'. Dengan gelaran atau nama dapat menunjukkan status seseorang individu agar bangga dengan diri dan pencapaian mereka;
- ii. Gelaran Tingkatan 6 Bawah digantikan dengan semester satu (Mei - Nov) dan tingkatan 6 Atas digantikan dengan semester dua (Jan - Jun) dan tiga (Julai - Nov);
- iii. Perubahan juga perlu dibuat dari segi penampilan mereka iaitu:

- Pakaian - lain daripada yang sedia ada;
- Tanggungjawab - lebih mencabar dan menonjolkan jati diri;
- Kebajikan - biasiswa secara otomatik;
- Masa persekolahan - bermula pada jam 7.45/8.00 pagi dan berakhir pada jam 4.00/4.15 petang (32 jam - tidak melebihi jumlah waktu bekerja guru iaitu 45 jam seminggu). Waktu pembelajaran meliputi kuliah dan tutorial. Waktu kuliah adalah fleksibel tetapi terkawal;
- Asrama - Bilik asrama bagi seorang 'pelajar pra-u' perlu lengkap dengan kemudahan yang lebih sesuai di mana mempunyai sudut belajar sendiri seperti meja belajar, kerusi yang sesuai dengan saiz 'pelajar pra-u' , ada ruang yang selesa untuk wujudkan suasana yang kondusif walaupun berkongsi dalam satu bilik yang besar;
- Displin - pengawalan displin ke atas 'pelajar pra-u' perlu dilaksanakan secara berhemah.

Pengurusan baru - perlu dilaksanakan di semua sekolah yang mempunyai kelas tingkatan 6 iaitu:

- Pengurusan pelajar 'pra-u' diasangkan daripada pengurusan Tingkatan 1 hingga 5;
- Penolong Kanan Tingkatan 6 akan menguruskan semua urusan iaitu pentadbiran, kurikulum, kokurikulum dan hal ehwal pelajar;
- Kaedah p&p lebih bercorak kaedah pengajaran seorang pensyarah universiti. Guru Akademik hanya mengajar tingkatan 6 sahaja. Pengecualian boleh jika sekolah betul- betul memerlukan opsyen guru tersebut. Tetapi HANYA diberi kelas bukan peperiksaan dan tugas menyediakan kertas soalan peperiksaan tidak diberikan kepada guru berkenaan;
- Guru pra-u harus menyediakan 4 jenis folio bagi tujuan pemantauan:
 - a. Pengajaran dan pembelajaran
 - b. Penyelidikan
 - c. Penilaian dan Pentaksiran
 - d. Kokurikulum

- Sekolah hanya boleh menawarkan pakej mata pelajaran yang bersesuaian dengan kelayakan akademik dan opsyen guru akademik 'pra-U'. Pilihan pakej mata pelajaran yang ditawarkan tidak boleh ditentukan tanpa mengambil kira kelayakan dan opsyen guru 'pra-U';
- Bilangan pelajar dalam satu kelas yang akan menggunakan sepenuhnya guru yang diperuntukkan dengan optimum adalah antara 15 hingga 30 orang. Jika kurang daripada 15 orang, kelas tidak boleh diteruskan beroperasi; dan
- Kokurikulum - Aktiviti kokurikulum yang akan ditawarkan untuk pelajar pra-u adalah aktiviti yang boleh membentuk ciri kepimpinan dan ketrampilan pelajar tersebut. Aktiviti kokurikulum pra-u adalah bermatlamat untuk mendidik seseorang individu secara menyeluruh dan berupaya memikul tanggungjawab sebagai ahli masyarakat yang penyayang. Sebagai contoh: produksi teater, muzikal, sukan dan perkhidmatan komuniti.

Pengurusan guru - Bagi urusan penempatan dan pertukaran guru diuruskan Bahagian Pengurusan Sekolah Harian. Pergerakan guru dan kenaikan pangkat guru Tingkatan 6 adalah pada laluan jawatan Tingkatan 6 sahaja.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B.
DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA : **TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN**

[SELAYANG]

TARIKH

31 MAC 2011

SOALAN

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan jumlah kes bunuh diri dari tahun 2005 hingga sekarang dan apakah sebab-sebab kes bunuh diri berlaku serta langkah-langkah untuk mengatasi masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan mula mengumpul data bunuh diri semenjak tahun 2007 melalui Registri Bunuh Diri Kebangsaan atau *National Suicide Registry Malaysia (NSRM)* yang telah ditubuhkan melalui kerjasama Hospital Kuala Lumpur dan Institut Perubatan Forensik bagi mendaftarkan data bunuh diri di Malaysia. Didapati bahawa dalam tempoh tahun 2007 hingga 2009, sebanyak 731 kes bunuh diri didaftarkan melalui Registri iaitu"/ 73 *kes dalam tahun 2007; 290 kes dalam tahun 2008; dan 328 kes dalam tahun 2009*). Oleh itu, kadar bunuh diri pada tahun 2008 adalah dianggarkan sebanyak 1.3 per 100,000 penduduk dan bukanlah 10/13 orang setiap 100,000 orang seperti yang dinyatakan. Saya ingin

nyatakan bahawa kes-kes yang didaftarkan ini merujuk kepada kes bunuh diri yang disahkan secara perubatan (*medically certified*).

Bunuh Diri boleh berlaku akibat beberapa penyebab (*multifactorial causes*) dan bukan hanya mempunyai satu penyebab. Tingkah laku bunuh diri boleh disebabkan oleh faktor yang berkait rapat antara satu sama lain termasuklah faktor biologi, genetik, psikologi, sosio-ekonomi, budaya dan persekitaran. Antara faktor yang menyumbang kepada berlakunya bunuh diri adalah :

(a) Stres Psikososial termasuk

- Kemiskinan
- Tiada pekerjaan
- Kegagalan akademik
- Tragedi atau krisis hidup sebagai contohnya kehilangan orang tersayang, masalah perhubungan (*romantik break-ups*), sejarah ahli keluarga yang pernah membunuh diri
- Hutang piutang atau *loan shark phenomena*

- (b) Gangguan mental atau psikiatri seperti kemurungan, skizofrenia, penyalahgunaan substans dan alkohol dan gangguan personaliti

Bagi mengatasi masalah tersebut, Kementerian telah mengambil langkah-langkah pencegahan dan perawatan seperti berikut:

- (a) Promosi Kesihatan Mental dan Advokasi
Kementerian Kesihatan melalui Program Kesihatan Mental telah melaksanakan beberapa aktiviti bagi meningkatkan kesedaran awam melalui Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia semenjak tahun 2000 dan Hari Pencegahan Bunuh Diri Sedunia semenjak tahun 2004. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan termasuklah aktiviti pemerkasaan komuniti dengan memfokuskan kepada memberi kemahiran kepada komuniti menangani stres, forum awam, bengkel, seminar, ceramah di media massa, penulisan artikel di media cetak.

Kementerian telah juga menerbitkan bahan-bahan pendidikan kesihatan / IEC (*Information, Education and Communication*) dalam bentuk risalah-risalah dan poster berkaitan kesihatan mental, penyakit mental dan pencegahan bunuh diri bagi memberi pengetahuan kepada masyarakat tentang penjagaan kesihatan mental dan pencegahan penyakit mental. Di antaranya adalah risalah dan poster dengan tajuk Cegah Bunuh Diri: "Sayangi Nyawa, Hidupkan Harapan" atau Prevent Suicide: "Saving Lives, Restoring Hope". Bahan-bahan ini juga diterbitkan dalam Bahasa Cina dan Tamil.

Kementerian juga mewujudkan satu laman web portal kesihatan semenjak tahun 2006 di mana masyarakat boleh mendapatkan maklumat lanjut tentang kesihatan mental, tanda-tanda awal penyakit mental dan pencegahan bunuh diri dengan melayari laman sesawang kementerian di www.moh.gov.mv atau www.mvhealth.gov.mv

Kementerian Kesihatan dengan kerjasama agensi kerajaan dan bukan

kerajaan dengan sokongan dari Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan Persatuan Antarabangsa Pencegahan Bunuh Diri (*International Association for Suicide Prevention*, IASP) telah mengambil inisiatif untuk membangunkan Pelan Tindakan Strategik Kebangsaan Pencegahan Bunuh Diri. (*National Strategic and Action Plan on Suicide Prevention*).

Kementerian telah menyediakan Garispanduan Pelaporan Media tentang Bunuh Diri di Malaysia (*Guidelines for Media Reporting on Suicide in Malaysia*) dalam tahun 2005 dengan tujuan memberi panduan kepada media tentang pelaporan bunuh diri oleh media. Sebagai contohnya kejadian bunuh diri tidak seharusnya dilaporkan di bahagian muka hadapan surat khabar.

- (f) Kementerian telah menyediakan perkhidmatan psikiatri di empat (4) buah institusi mental dan 42 hospital-hospital kerajaan di seluruh Malaysia. Dari segi kepakaran, sehingga kini terdapat 124 pakar psikitri yang sedang berkhidmat dengan hospital-hospital Kementerian Kesihatan. Di peringkat kesihatan primer juga, sebanyak 671 klinik kesihatan memberikan perkhidmatan rawatan susulan pesakit mental. Saringan kesihatan mental untuk tahap stress, keresahan dan kemurungan telah juga dimulakan secara berperingkat di klinik-klinik kesihatan semenjak tahun 2008 dan mereka yang dikenalpasti akan diberi intervensi berpatutan.
- (g) Kementerian Kesihatan akan terus meningkatkan latihan kepada anggota kesihatan primer dalam mengenalpasti tanda-tanda awal individu-individu yang mempunyai kemurungan, masalah mental atau keinginan untuk membunuh diri agar intervensi awal dapat diberi. Sehingga kini, seramai 856 anggota kesihatan peringkat primer telah dilatih mengenalpasti kemurungan menggunakan Modul Latihan “CPG Management of Major Depressive Disorders”.

Buat masa ini, Kementerian tidak bercadang untuk menubuhkan lebih banyak

pusat kaunseling, perlindungan atau rawatan. Ini adalah kerana, pusat-pusat kaunseling dan perlindungan telah ada wujud di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Selain itu, terdapat juga beberapa buah badan pertubuhan bukan kerajaan sebagai contohnya, *The Befrienders* yang menawarkan perkhidmatan kaunseling percuma melalui telefon dan e-mel kepada individu yang mempunyai masalah emosi, murung dan keinginan untuk membunuh diri. Badan ini mempunyai 7 cawangan dan dikendalikan oleh lebih dari 300 orang sukarelawan yang terlatih dalam aspek kaunseling.

Dari segi latihan kepada anggota PDRM, terdapat perancangan dalam Pelan Tindakan & Strategik Kebangsaan Pencegahan Bunuh yang sedang dibentuk untuk memperhalusi garispanduan kepada ‘front liners’ yang tidak hanya khusus kepada anggota polis dalam mengendalikan individu yang berisiko membunuh diri.

**SOALAN NO
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN
KAWASAN	KOTA BELUD
TARIKH	31 MAC 2011 (KHAMIS)

SOALAN:

Y.B. DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN (KOTA BELUD)
minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan pencapaian dasar Kementerian untuk mengagihkan 10 peratus dari nilai projek RM10 juta ke atas kepada kontraktor kelas F dan apakah Kementerian berhasrat menaikkan had projek kelas F kepada RM500,000.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar pengagihan 10% dari nilai kontrak kepada kontraktor Kelas F telah mula diperkenalkan oleh Kementerian Kerja Raya pada 26 Mac 2008. Walau bagaimanapun, pelaksanaan dasar tersebut terpaksa ditangguhkan untuk sementara waktu pada 7 Mei 2009 yang lalu. ini untuk membolehkan Kementerian Kerja Raya mengkaji semula aspek-aspek penambahbaikan, khususnya mengenai kaedah atau mekanisme agihan kontrak tersebut.

Berikutan dari hasil kajian tersebut, Kerajaan pada 30 Oktober 2009 telah bersetuju untuk memperluaskan dasar pengagihan 10% ini kepada kontraktor Kelas E (di samping kelas F sedia ada) dan skop kerja agihan kontrak turut dinaikkan sehingga had RM500,000. Menerusi penetapan dasar baru ini, Kerajaan tidak lagi menetapkan peratus nilai kontrak tertentu yang perlu ditawarkan oleh kontraktor utama kepada kontraktor kelas E dan F. Walau bagaimanapun, nilai had maksimum tidak akan melebihi 15% dari nilai kontrak utama di samping turut mengambil kira faktor kompleksiti pelaksanaan sesuatu projek itu. Dasar baru ini telah dikuatkuasakan menerusi Arahan Pekeliling Ketua Pengarah Kerja Raya bil. 2/2010 bertarikh 5 April 2010.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 28 Februari

2011, dasar pengagihan kerja kepada kontraktor kelas E dan F ini telah pun dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya, melibatkan 22 bilangan projek Kerajaan di bawah RMKe-10. Sehubungan itu memandangkan ia masih lagi berada di peringkat awal pelaksanaannya, pencapaian sebenar dasar ini hanya akan dapat diketahui setelah sesuatu projek itu disiapkan sepenuhnya. Ini kerana kontrak yang melibatkan kontraktor kelas E dan F kebiasaannya akan dilaksanakan pada peringkat terakhir fasa pelaksanaan projek, seperti skop pemasangan longkang, mengecat bangunan dan hiasan seni taman.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian Kerja Raya setakat ini tidak berhasrat untuk menaikkan had perolehan kerja kontraktor kelas F melebihi dari nilai RM200,000. Ia bagi mengelakkan timbul persaingan dengan kontraktor-kontraktor kelas E, iaitu kelas perolehan kerja bernilai antara RM200,000 hingga RM500,000. Walau bagaimanapun, Kerajaan sememangnya sentiasa menggaiakkan kontraktor kelas F untuk meningkatkan kemampuan mereka termasuk meningkatkan taraf kelas kepada yang lebih tinggi tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO.:
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

LISAN

PERTANYAAN

Y.B. TUAN CHUA TIAN CHANG BATU

DARIPADA

31 MAC 2011 (KHAMIS)

KAWASAN

TARIKH

SOALAN:

Y.B. TUAN CHUA TIAN CHANG (BATU) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah bayaran pampasan tol mengikut syarikat bagi tahun 2009 dan 2010.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pampasan tol dalam bentuk tunai yang telah dibayar oleh Kerajaan kepada syarikat-syarikat konsesi lebuh raya untuk tempoh antara 1 Januari 2009 hingga 31 Disember 2010 ialah sebanyak RM438.8 juta.

Pampasan tersebut perlu dijelaskan berikut dari keputusan Kerajaan untuk menangguhkan kenaikan kadar tol bagi lebuh raya-lebuh raya yang sedang beroperasi, sebagaimana kadar tol yang telah ditetapkan dalam Perjanjian Konsesi. Di samping itu Kerajaan juga perlu membayar pampasan disebabkan oleh faktor-faktor lain, antaranya seperti penghapusan kutipan tol di Plaza Tol Salak Jaya, Lebuhraya Sungai Besi, penetapan diskaun 50% kadar tol untuk bas bagi lebuh raya-lebuh raya di bawah kendalian PLUS Expressways Berhad dan pampasan kerana tidak melaksanakan *restriction order* di Lebuh Raya Selat Klang Utara Baru.

Maklumat mengenai jumlah pecahan pampasan tol dalam bentuk tunai mengikut lebuh raya-lebuh raya yang beroperasi ialah seperti berikut:

NO.	LEBUHRAYA	2009 (RMJUTA)	2010 * (RM JUTA) <i>mmmmmmmm mm</i>	PAMPASAN (RMJUTA) <small>4 « i A- » ^</small>
1.	LEBUHRAYA UTARA - SELATAN (PLUS)	223.06	55.7	278.76
2.	JAMBATAN PULAU PINANG (PBSB)	36.18		36.18
3.	LEBUHRAYA SHAH ALAM (KESAS)	0.36		0.36
4.	LEBUHRAYA UTARA - SELATAN HUBUNGAN TENGAH (ELITE)	1.06	0.36	1.42
5.	LEBUHRAYA BUTTERWORTH - KUL1M (KLBK)	0.31		0.31
6.	LEBUHRAYA KUALA LUMPUR - KARAK (KLK)	1.95		1.95
7.	LEBUHRAYA SEREMBAN PORT DICKSON (SPDH)	0.11	0.37	0.147
8.	LEBUHRAYA PINTAS SELAT KELANG UTARA BARU (NNKSB)	5.29		5.29
9.	LEBUHRAYA JALAN DAN JEJAMBAT KUALA LUMPUR (METRAMAC)	0.31		0.31
10.	LEBUHRAYA CHERAS - KAJANG (GRAND SAGA)	0.17		0.17
11.	LEBUHRAYA SUNGAI BESI (BESRAYA)	0.18	0.06	0.24
12.	LEBUHRAYA DAMANSARA - PUCHONG (LITRAK)	0.47	0.17	0.64
13.	LEBUHRAYA TINGKAT AMPANG - KUALA LUMPUR (PROLINTAS)	19.95	5.18	25.13

N O.	LEBUHRAYA	; 2009 (RM JUTA)	2010* (RM JUTA) <i>X ^ ^</i>	JUMLAH PAMPASAN
14.	LEBUHRAYA SKIM PENYURAIAN TRAFIK KL-BARAT(SPRINT)	29.83	14.5	44.33
15.	LEBUHRAYA BARU PANTAI (NPE)	20.67	5.04	25.71
16.	LEBUHRAYA SKIM PENYURAIAN LING KARAN KAJANG (SILK)	0.14	2.54	2.68
17.	LEBUHRAYA PANTAI TIMUR FASA 1 (LPT 1)	1.26	-	1.26
18.	LEBUHRAYA SHAH ALAM - KUANG (GUTHRIE)	0.06	0.02	0.08
19.	PROJEK PENGURUSAN TEROWONG SC BANjIR (SMART)	-	6.60	6.60
20.	LEBUHRAYA LINGKARAN LUAR BUTTERWORTH (BORG)	4.17	1.97	6.14
21.	LEBUHRAYA KL-PUTRAJAYA (MEX)	0.68	0.23	0.91
22.	LEBUHRAYA KAJANG - SEREMBAN(LEKAS)	0.01	0.003	0.013
23.	LEBUHRAYA DUTA-ULU KELANG (DUKE)	0.11	0.05	0.16
24.	LEBUHRAYA SENAI-DESARU (SDE)	0.008	-	0.008
JUMLAH KESELURUHAN		346.338	92.46	438.808

* Belum diaudit

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pampasan sebenar bagi tahun 2010 hanya akan ditentukan seteiah Sijil Audit Bersama dikeiuarkan

oleh Kerajaan dan juru audit yang diantik oleh syarikat konsesi yang berkenaan.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

DARI PADAY.B. DATUK SERI PANGLIMA ABDUL

GHAPUR BIN HAJI SALLEH (KALABAHKAN)

TARIKH 31 MAC 2011

SOALAN

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah peruntukan dalam RMK-10 yang dikhususkan untuk pembangunan Program Bantuan Rumah (PBR) bagi negeri Sabah/Sarawak; dan
- (b) berapakah jumlah rumah yang akan dibina serta berapakah kos pembinaan yang akan ditanggung oleh Kerajaan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Di bawah *First Rolling Plan RMKe-10 (2011-2012)*, sejumlah RM431.28 juta telah diagihkan bagi pelaksanaan PBR di negeri Sabah dan Sarawak. Berdasarkan agihan peruntukan ini diunjurkan mampu membiayai pelaksanaan sejumlah 12,127 projek PBR iaitu sebanyak 7,987 unit projek bina baru dan 4,140 unit projek baik pulih bagi kedua-dua negeri berkenaan.

SOALAN NO.

20 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARI PADA : YB PUAN HAJAH ZU RAIDAH BINTI KAMARUDDIN

(AMPANG)

TARIKH 31 MAC 2011 (KHAMIS)

SOALAN

YB Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin (Ampang) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan berapakah kes salah laku dan penderaan rumah tangga yang telah diselesaikan di bawah program perundangan dan advokasi Kementerian setakat ini mengikut pecahan kes dan negeri

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berperanan membantu mangsa kes salah laku dan penderaan rumah tangga sebagaimana peruntukan dalam Akta Keganasan Rumah Tangga 1994.

Bagi tahun 2010, bilangan kes keganasan rumah tangga adalah sebanyak 573 kes. Daripada jumlah tersebut, negeri Selangor mencatatkan kes keganasan paling tinggi iaitu sebanyak 159 kes, diikuti Kuala Lumpur sebanyak 80 kes dan Pulau Pinang

sebanyak 64 kes.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, daripada jumlah kes keganasan rumah tangga tersebut sebanyak 327 kes menyebabkan kecederaan fizikal kepada mangsa, 183 kes meletak mangsa dalam keadaan ketakutan kecederaan fizikal, 41 kes memaksa atau membuat ancaman terhadap mangsa untuk melakukan apa-apa kelakuan berbentuk seksual, 18 kes melakukan khianat dan kerosakan harta dengan niat untuk menyebabkan kesedihan/kegusaran kepada mangsa dan 4 kes mengurung atau menahan mangsa.

Kes keganasan rumah tangga yang dirujuk kepada JKM diambil tindakan dan diselesaikan mengikut peruntukan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994. Bagi tahun 2010, statistik kes keganasan rumah tangga mengikut jenis penyelesaian adalah seperti berikut:

- i. Diberi Perintah Perlindungan Sementara (IPO) sebanyak 307 kes;
- ii. Diberi Perintah Perlindungan (PO) sebanyak 2 kes;
- iii. Diberi kaunseling di Pejabat Kebajikan Masyarakat sebanyak 83 kes;
- iv. Dirujuk ke Badan Pendamai sebanyak 6 kes;
- v. Diberi Perlindungan di tempat selamat sebanyak 21 kes;
- vi. Dirujuk ke Agensi lain:-
 - (a) Pejabat Pendaftaran Perkahwinan sebanyak 13 kes;

- (b) Mahkamah Syariah sebanyak 12 kes;
 - (c) Biro Bantuan Guaman sebanyak 8 kes;
 - (d) Mahkamah Sivil sebanyak 3 kes; dan
 - (e) Lain-lain agensi sebanyak 9 kes;

vii. Pindah tinggal berasingan seperti kembali ke rumah ibubapa / saudara mara / rakan (kenalan) sebanyak 91 kes; dan

viii. Lain-lain penyelesaian sebanyak 18 kes.

Soalan No : 21

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN
DARI PADA Y.B. PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
(BATANG SADONG)

TARIKH 31.03.2011

SOALAN:

Y.B. PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI [BATANG SADONG] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah strategi Kementerian dalam mengatasi keperluan dari sekolah-sekolah di luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Bagi mengenalpasti keperluan pembangunan akademik sekolah-sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) di bawah inisiatif NKRA Pendidikan telah memperkenalkan Program Pembangunan Prestasi Sekolah. Program

Pembangunan Prestasi Sekolah atau dikenali sebagai *School Improvement Programme* (SIP) telah dilaksanakan. Melalui SIP ini semua sekolah rendah dan menengah perlu mengisi *ToolKit* Penamaikan Sekolah atau *School Improvement Toolkit*, data-data yang diperoleh daripada Toolkit yang mengandungi butiran Pengetua/Guru Besar, Guru, Murid & ibu Bapa dan infrastruktur akan dianalisis. Hasil analisis ini, bentuk bantuan dan bimbingan yang diperlukan oleh Guru Besar dan Guru dikenalpasti. Dalam SIP ini, pendekatan yang digunakan adalah lebih mengikut keperluan sekolah dan murid, dan tidak lagi menggunakan pendekatan *one size fits all* seperti yang pernah digunakan selama ini.

Apabila Guru Besar dan Guru dibimbing dan dibantu secara terancang dan terbimbing, maka ini akan meningkatkan prestasi sekolah. Perkara ini telah dibuktikan dalam keputusan UPSR tahun 2010, yang mana daripada 209 sekolah dalam Band 6 dan Band 7 pada tahun 2009 (sekolah berprestasi rendah) telah dapat dikurangkan kepada 140 sekolah pada tahun 2010.

Selain itu sebanyak 72 peratus daripada 587 Guru Besar sekolah rendah yang berjaya menerima ganjaran adalah sekolah di luar bandar dan 18 daripada sekolah-sekolah ini adalah daripada sekolah Band 6 dan Band 7.

KPM juga sedang berusaha menyediakan kemudahan asas sekolah-sekolah luar bandar seperti kemudahan elektrik melalui janakuasa elektrik dan solar *hybrid* dan kemudahan air melalui telaga tiub. Bagi kemudahan elektrik, sebanyak 327 buah sekolah di Sarawak menerima janakuasa elektrik. Manakala di Sabah pula, sebanyak 78 buah sekolah menerima set solar *hybrid*. Di samping itu, 306 buah sekolah di Sabah dan Sarawak menerima Telaga Tiub. Bagi kerja-kerja penyelenggaraan di Sabah dan Sarawak, sebanyak 306 buah sekolah terlibat dengan kos berjumlah RM45 juta.

SJ.B/(69)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA	TUAN GWO-BURNE LOH (KELANA JAYA)
PERTANYAAN	LISA N
TARIKH	31.03.2011

Tuan Gwo-Burne Loh (Kelana Jaya) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci mengenai:-

- (a) Pendapatan PNB tidak disalurkan kepada Bumiputera melalui ASN; dan
- (b) Mengapa dividen yang diisyiharkan sekarang sangat rendah sedangkan pada tahun 1981 dividen yang diberikan adalah sebanyak 25%.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, semasa Amanah Saham Nasional (ASN) berharga tetap, sebahagian pendapatan PNB telah disalurkan kepada Bumiputera melalui bonus dalam bentuk unit amanah kepada pemegang-pemegang unit ASN. Setelah ASN menjadi tabung unit amanah harga berubah-ubah, pengagihan pendapatan PNB tidak lagi disalurkan melalui ASN.

2. Pada tahun 1981, iaitu semasa ASN berharga tetap, pulangan pelaburan adalah di dalam bentuk pengagihan pendapatan tahunan serta bonus daripada PNB. Setelah ASN menjadi tabung unit amanah harga berubah-ubah, pemegang unit bukan sahaja mendapat pengagihan pendapatan tahunan tetapi juga berpeluang untuk memperoleh keuntungan modal melalui jual beli unit-unit amanah berdasarkan turun naik nilai aset bersih (*Net Asset Value*). Secara amnya, nilai aset bersih ASN adalah bergantung kepada prestasi semasa pasaran saham di Malaysia.
3. Bagi mendapat gambaran yang setara, prestasi pulangan bagi ASN harus dibandingkan dengan penanda aras yang telah ditetapkan untuk tabung unit amanah ini. Penanda aras ini menggabungkan Indeks FTSE Bursa Malaysia 100 (FBM 100) dan Kadar Faedah Pasaran Wang Antara Bank 3-bulan (KLIBOR 3-bulan). Sebagai contoh, untuk tahun 2010, purata pulangan keseluruhan (*total return*) ASN adalah sebanyak 18.73% berbanding purata pulangan keseluruhan penanda aras sebanyak 16.80%. Bagi tempoh lima tahun pula, purata pulangan keseluruhan ASN adalah sebanyak 14.29% berbanding purata pulangan keseluruhan penanda aras sebanyak 10.07%. Ini menunjukkan purata pulangan keseluruhan ASN adalah kompetitif berbanding dengan penanda aras.

Soalan No :
23

PERTANYAAN

LISAN

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA Y.B. TAN SRI DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN (ALOR GAJAH)

TARIKH 31.03.2011

SOALAN:

Y.B. TAN SRI DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN [ALOR GAJAH] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah basiswa yang telah dikeluarkan kepada pelajar-pelajar sejak tahun 2008 mengikut komposisi kaum.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Jumlah peruntukan basiswa yang telah disediakan kepada pelajar-pelajar di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) adalah seperti berikut:

Tahun	Basiswa Kecil Persekutuan fMlllBllglg	Basiswa Kelas Persediaan Universiti (BKPU)	Basiswa Program Ijazah Pertama di IPTA Dalam dan Luar Negara
2008	RM262,948,080	RM30,000,000	RM92,681,112
2009	RM238,082,440	RM24,573,620	RM136,742,415

Rjm 84

SJ.B/(70)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA **TUAN SIM TONG** **HIM**
(KOTA MELAKA)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH **31.03.2011**

Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- a) syarat-syarat dan prosedur untuk mencetak wang kertas baru; dan
- b) berapa jumlah wang kertas Ringgit Malaysia sedang diniagakan di pasaran tempatan dan antarabangsa.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia (BNM) mengamalkan syarat-syarat dan prosedur yang ketat untuk mencetak wang kertas baru. Hanya syarikat-syarikat pencetak wang kertas antarabangsa yang terkemuka dan memenuhi syarat-syarat tertentu yang layak untuk menyertai tender mencetak wang kertas baru. Proses

penilaian tender dijalankan dengan penuh teliti berdasarkan polisi dan prosedur perolehan yang telah diluluskan oleh pihak Lembaga Pengarah BNM.

2. Proses penilaian tender ini akan dibuat di bawah pengawasan *Tender Proposal Evaluation Committee* (TPEC) yang dipengerusikan oleh Timbalan Gabenor dengan keahliannya terdiri daripada Pengarah-pengarah daripada pelbagai jabatan. Selanjutnya, penilaian TPEC ini akan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah BNM untuk pertimbangan dan kelulusan. Antara kriteria utama yang diambil kira di dalam proses penilaian tersebut termasuklah harga yang kompetitif dan keupayaan pencetak untuk membekalkan mata wang dengan kuantiti dan dalam tempoh masa yang dikehendaki.
3. Berdasarkan rekod, wang kertas Ringgit Malaysia yang berada dalam edaran setakat 24 Februari 2011 adalah sebanyak RM54.96 bilion.

**SIDANG DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL
KEEMPAT, PARLIMEN KEDUA BELAS (2011)**

PERTANYAAN :	LISAN
DARIPADA	DATUK DR TEKHEE @ TIKI ANAK LAFE
	[MAS GADING]
TARIKH	31 MAC 2011
SOALAN	25

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan dasar dan strategi bagi mempastikan negara sentiasa bersedia dan mampu berhadapan dengan ancaman Perang Siber (cyberwar) dan terorisme siber (cyber terrorism) yang mengancam seluruh dunia digital masa kini seperti yang melanda negara Tunisia, Yemen dan Egypt.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman, **Perang siber** ditakrifkan sebagai **penggunaan ruang siber termasuk Internet sebagai platform untuk menyerang sistem-sistem ICT di mana negara amat bergantung dalam memberikan perkhidmatan-perkhidmatan kritikal.** Perang siber bermotifkan kepentingan strategik, dan dilancarkan dalam skala yang besar berdasarkan strategi perang siber.

I

Terorisme siber pula merujuk kepada **serangan siber (cyber attack)** oleh **kumpulan-kumpulan militan** seperti kumpulan penganas. Serangan tersebut bertujuan untuk mencetus **kebimbangan (fear)** di kalangan rakyat serta bermotifkan politik.

Krisis yang berlaku di Timur Tengah pula lebih bersifat **kempen maklumat (information campaign)** menerusi penggunaan rangkaian sosial seperti Facebook dan Twitter untuk tujuan propaganda di ruang siber.

Ketiga-tiga senario di atas memberi impak secara langsung

kepada aspek keselamatan negara. Dari aspek dasar dan strategi bagi memperkasakan ruang siber, inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan adalah seperti berikut:

- I. Melaksanakan Dasar Keselamatan Siber Nasional (*National Cyber Security Policy* - NCSP) yang merupakan satu inisiatif komprehensif dalam menangani ancaman-ancaman siber terutamanya dalam melindungi Prasarana Kritikal Maklumat Negara (*Critical National Information Infrastructure* - CNII). Perkhidmatan yang dilaksanakan oleh organisasi-organisasi CNII adalah perkhidmatan yang menjadi tunggak kepada sosial, ekonomi, pentadbiran dan keselamatan negara;
- II. Penubuhan Jawatankuasa e-Sovereignty yang dipengerusikan oleh Y.A.B Timbalan Perdana Menteri yang bertujuan untuk menyelaraskan segala inisiatif diperingkat strategik berkenaan keselamatan siber. Penubuhan Jawatankuasa tersebut telah diluluskan oleh Majlis IT Negara yang dipengerusikan oleh Y.A.B Perdana Menteri pada 22 November 2010;²
- III. Penubuhan agensi khas, CyberSecurity Malaysia, di bawah kawal selia MOSTI, yang mempunyai keupayaan teknikal dalam menangani aspek keselamatan siber di peringkat nasional. CyberSecurity Malaysia telah membangunkan sistem Perkhidmatan Amaran Awal Siber (CEWS) bagi memberi amaran dan tindak balas terhadap ancaman siber di peringkat nasional; dan
- IV. MOSTI menerusi CyberSecurity Malaysia sentiasa bekerjasama dengan Majlis Keselamatan Negara dan lain-

lain agensi dalam memantau laman-laman web dan blog serta rangkaian sosial yang menyalahi undang- undang negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan juga telah dan sedang melaksanakan beberapa inisiatif melalui kerjasama dengan pelbagai Kementerian dan agensi-agensi Kerajaan seperti berikut:

- I. Membangunkan Pelan Pengurusan Krisis Siber Negara di bawah kawalselia Majlis Keselamatan Negara. Pelan ini membolehkan tindakbalas terhadap ancaman- ancaman siber diambil secara bersepada di peringkat nasional;
- II. Mengkaji kelompongan undang-undang negara bagi membolehkan ancaman siber ditangani dengan lebih berkesan oleh agensi-agensi penguatkuasa;

3

- III. Mengarahkan organisasi-organisasi CNII melaksanakan pensijilan *Information Security Management System (ISMS)* bagi memperkasakan sistem jaringan ICT dan pengurusan maklumat;
- IV. Membangunkan Strategi Nasional untuk Program Pembudayaan dan Pembangunan Keupayaan Dalam Keselamatan Siber (*National Strategy for CyberSecurity Acculturation and Capacity Building Program*)
- V. Melaksanakan program kesedaran siber diperingkat nasional seperti CyberSAFE iaitu *Cyber Security Awareness For Everyone*. Ini adalah inisiatif CyberSecurity Malaysia bagi memberi pendedahan dan kesedaran

berkenaan isu keselamatan siber/internet dan ancaman yang dihadapi. Program ini merangkumi semua peringkat masyarakat ke arah mewujudkan persekitaran siber yang selamat; dan

- VI. Menjalankan hubungan dan kerjasama di dalam bidang keselamatan siber di peringkat antarabangsa melalui *Asia Pacific Computer Emergency Response Team (APCERT)* dan negara-negara OIC melalui *Organisation of Islamic Conference - Computer Emergency Response Team (OIC-CERT)*.

Dengan adanya inisiatif-inisiatif sebegini, ianya telah memberi kesan positif dan kebaikan kepada masyarakat seperti;

- I. Adanya pusat pengaduan setempat berkenaan insiden siber di mana masyarakat boleh mendapatkan khidmat dan bantuan teknikal secara percuma melalui Pusat Koordinasi Cyber999 yang dikendalikan oleh CyberSecurity Malaysia;
Peningkatan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan siber yang mana telah mengujudkan kerjasama antara organisasi swasta, kerajaan dan institusi pengajian tinggi;
Peningkatan latihan dan pensijilan dalam bidang keselamatan maklumat yang seterusnya meningkatkan professional-professional yang bertauliah dalam bidang ini; dan
Mewujudkan masyarakat yang peka terhadap keselamatan siber.

SOALAN 26

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Y.B. TUAN MAN ICKAVAS AG

AM A/L SUNDARAM [KAPAR]

TARIKH

31 MAC 2011

SOALAN

Meminta MENTERI

PELANCONGAN menyatakan:

Purata jumlah perbelanjaan yang dibuat oleh setiap pelancong sepanjang tempoh lawatan di Malaysia untuk tahun 2010.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Purata jumlah yang dibelanjakan oleh setiap pelancong (per kapita) pada tahun 2010 ialah sebanyak RM2,298.60 berbanding RM2.256.90 pada tahun 2009 iaitu kenaikan sebanyak 1.8%. Purata jumlah perbelanjaan ini adalah berdasarkan kepada kemasukan pelancong asing ke Malaysia pada **tahun 2010 yang berjumlah 24.6 juta pelancong dengan menghasilkan jumlah pendapatan pelancong (*tourist receipts*) sebanyak RM56.5 bilion.**

Berikut ialah senarai 10 negara yang mencatat purata jumlah perbelanjaan tertinggi iaitu:

- 1) **Arab Saudi** dengan jumlah perbelanjaan per kapita RM8,047.10 pada tahun 2010 berbanding RM6,430.80 pada tahun 2009;
- 2) **Kuwait** dengan jumlah perbelanjaan per kapita RM7,174.70 pada tahun 2010;
- 3) **Oman** dengan jumlah perbelanjaan per kapita RM6,759.90 pada tahun 2010 berbanding RM6.608.60 pada tahun 2009;
- 4) **UAE** dengan jumlah perbelanjaan per kapita RM6.370.80 pada tahun 2010 berbanding RM6,264.70 pada tahun 2009;

- 5) **Australia** dengan jumlah perbelanjaan per kapita RM4,113.00 padatahun 2010 berbanding RM4,011.80 pada tahun 2009;
- 6) **New Zealand** dengan jumlah perbelanjaan per kapita RM3.198.30 padatahun 2010 berbanding RM3.144.20 pada tahun 2009;
- 7) **Belanda** dengan jumlah perbelanjaan per kapita RM3,018.20 padatahun 2010 berbanding RM2.970.20 pada tahun 2009;
- 8) **Jerman** dengan jumlah perbelanjaan per kapita RM2.966.70 padatahun 2010 berbanding RM2,886.50 pada tahun 2009;
- 9) **China** dengan jumlah perbelanjaan per kapita RM2,768.40 pada tahun 2010 berbanding RM2.729.60 pada tahun 2009; dan
- 10) Jepun dengan jumlah perbelanjaan per kapita RM2.751.10 pada tahun 2010 berbanding RM2,610.30 pada tahun 2009.

NO.AUM : 47 NO. AUP

:

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA **TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA
JOSEPH PAIRIN KITINGAN[KENINGAU]**

TARIKH **31 MAC 2011**

RUJUKAN **3540**

SOALAN:

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan hasil perbincangan LAB (Makmal) khususnya cadangan-cadangan berkaitan dengan pekerja asing dan pendatang tanpa asing di negeri Sabah dan adakah Kerajaan Persekutuan berniat untuk melaksanakan cadangan-cadangan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Keningau yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (JKKPA- PATI) telah memutuskan untuk diadakan Makmal Pengurusan Khas Warga Asing di Sabah, yang telah dilaksanakan dari 4 Mei 2010 sehingga 27 Mei 2010 sebagai satu pendekatan yang holistik bagi membincangkan dan menyelesaikan masalah atau isu berkaitan warga asing di Sabah, termasuk isu PATI. Makmal ini telah dianggotai wakil-wakil dari Jabatan Negeri, Jabatan Persekutuan, Pejabat Daerah dan Agensi Keselamatan (Kerajaan), di samping mengadakan sesi sindikasi bersama perwakilan dari pelbagai organisasi, persatuan dan agensi Kerajaan (ini termasuk pihak-pihak seperti persatuan-persatuan, pemimpin masyarakat dan juga kedutaan). Hasil Makmal ini telah dibentangkan kepada Kabinet Negeri Sabah pada 7 Julai 2010, kepada Y.B. Menteri Dalam Negeri serta Menteri-Menteri Kabinet dari Sabah pada 14 Oktober 2010, diberi taklimat kepada Ahli Dewan Undangan Negeri Sabah pada 8 Mac 2011 dan dibentang kepada JKPA-PATI pada 17 Mac 2011.

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, makmal ini telah melihat kewajaran untuk melaksanakan cadangan-cadangan inisiatif dari

makmal peringkat pusat (iaitu Makmal Pengurusan Warga Asing) di negeri Sabah, selain mengemukakan 28 cadangan mereka sendiri. Cadangan hasil dari Makmal Pengurusan Khas Warga Asing di Sabah (MPKWAS) adalah menerima dan mengadaptasi semua cadangan inisiatif dari Makmal Pengurusan Warga Asing (MPWA) dengan mencadangkan pindaan terhadap 3 inisiatif seperti berikut:

- i. Mengelakkan pelaksanaan mekanisme Levi sedia ada, tanpa menaikkan kadar levi dan dicadangkan agihan sebanyak 50% daripada hasil kutipan Levi diberikan kepada Kerajaan Negeri Sabah;
- ii. Mengembangkan pelaksanaan Pas Residen bagi mengatasi kepelbagaian dokumentasi diri warganegara asing yang dibenarkan tinggal dan menetap di Sabah; dan
- iii. Mewujudkan Sekretariat Tetap Pengurusan Warga Asing di Sabah yang diketuai oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah dan dianggotai oleh pelbagai agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan. Sekretariat ini berfungsi memantau pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang dipersetujui untuk negeri Sabah selaras dengan hasrat JKPKA-PATI.

NO. SOALAN: 28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA : TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA
[PADANG TERAP]

TARIKH : 31 MAC 2011 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) jumlah rizab tunai PETRONAS yang disimpan dalam USD, Euro, RM dan mata wang lain. Apakah usaha Kerajaan untuk memastikan nilai rizab tidak susut selaras dengan penyusutan nilai USD; dan
- (b) nyatakan, daripada segi peratusan dan nilai, berapa jumlah rizab tunai PETRONAS yang disimpan di dalam negara dan di luar negara, terutamanya di Amerika Syarikat dan Eropah.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, minyak mentah dan produk petroleum diurusniagakan dalam matawang USD dan PETRONAS menerima hasil pendapatan di dalam matawang yang sama.

Sejumlah besar daripada hasil pendapatan akan ditukarkan ke matawang Ringgit Malaysia.

Pada 31 Disember 2010, kira-kira 71.6% rizab tunai PETRONAS adalah dalam matawang Ringgit Malaysia, 26.6% dalam matawang USD dan selebihnya dalam matawang lain.

PETRONAS sentiasa memastikan nilai rizab tunainya tidak terjejas secara teruk akibat daripada pergerakan nilai matawang dunia. Antara langkah- langkah yang diambil adalah seperti berikut:

- (i) Majoriti rizab tunai PETRONAS (71.6%) disimpan dalam matawang Ringgit Malaysia manakala selebihnya dalam matawang asing; dan
- (ii) Pegangan jumlah asset dalam matawang asing adalah terhad kepada jumlah liabiliti dan bagi memenuhi keperluan operasi. Langkah ini telah melindungi nilai matawang tersebut dan mengurangkan risiko ketidakstabilan nilai rizab

- b) Jumlah rizab tunai PETRONAS yang disimpan di dalam negara adalah sebanyak 93.6% manakala negara-negara lain termasuk Eropah dan Asia sebanyak 6.4%.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI
PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEDUA BELAS 2011**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

Pertanyaan	PERTANYAAN JAWAB LISAN
Daripada	Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjong Malim]
	31 Mac 2011 (Khamis)
Tarikh Menjawab	29
Soalan	

SOALAN 1

Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjong Malim] minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan:

- (a) jumlah keseluruhan keluasan ladang (dalam hektar) yang digunakan untuk penanaman getah berbanding dengan kelapa sawit di seluruh negara; dan

- (b) sejauh manakah usaha penanaman semula getah dengan benih baru yang dapat menghasilkan susu getah yang tinggi telah dilaksanakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KEDUA BELAS 2011**

JAWAPAN Tuan

Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kluasan tanaman getah di seluruh negara pada tahun 2010 adalah 1.028 hektar berbanding 4,853,766 hektar bagi tanaman sawit.

Menyedari akan kepentingan sektor tanaman getah ke atas sumbangannya kepada negara, Kerajaan menjalankan program dan usaha-usaha untuk meningkatkan produktiviti melalui penggunaan teknologi dan penanaman klon-klon pokok getah berkualiti tinggi yang mampu meningkatkan hasil lateks. Dengan penggunaan klon- klon berkualiti, produktiviti getah dapat ditingkatkan daripada purata 1,470 kg/hektar/tahun pada tahun 2010 kepada 2,000 kg/hektar/tahun menjelang tahun 2020. Peningkatan hasil dan produktiviti getah secara langsung akan meningkatkan pendapatan pekebun kecil.

Untuk tahun 2010, seluas 30,000 hektar kawasan getah telah ditanam semula dengan klon-klon berkualiti yang disyorkan oleh Lembaga Getah Malaysia dan RISDA kepada pengusaha dan pekebun kecil getah. Klon-klon yang terlibat adalah:

- i. RRIM3001 (Klon 1 Malaysia);
- ii. RRIM2001, 2002, 2025;
- iii. RRIM928, RRIM929; dan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KEDUA BELAS 2011**

iv. PB260, PB350.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA : DR. HIEW KING CHEU [KOTA KINABALU]

TARIKH : 31 MAC 2011

SOALAN

DR. HIEW KING CHEU (Kota Kinabalu) minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan adakah rancangan-rancangan untuk membersih sungai-sungai dan permukaan sungai di Sabah dan apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi banjir di Kota Kinabalu, Beaufort, Lahad Datu dan Tawau.

JAWAPAN :

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perlindungan Alam Sekitar telah dan sedang mengambil langkah-langkah untuk membersih dan memulihara sungai-sungai di negeri Sabah.

Sehubungan dengan itu, pihak JAS telah menjalankan Kajian Pencegahan Pencemaran dan Peningkatan Kualiti Air Lembangan Sungai Kinabatangan pada 2008-2009. Hasil daripada kajian ini, satu laporan yang komprehensif beserta pelan-pelan tindakan kawalan pencemaran di lembangan sungai tersebut telah disediakan. Pelan tindakan ini menggariskan strategi-strategi untuk memastikan air lembangan sungai tersebut kekal

pada Kelas II atau lebih. Pelan ini telah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri Sabah untuk dilaksanakan.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perlindungan Alam Sekitar juga sedang menjalankan "Kajian Impak aktiviti Perladangan dan Kilang Kelapa Sawit Serta Bahan Cemar Lain Ke Atas Kualiti Sungai-Sungai Tertentu Di Sabah". Sungai-sungai yang dikaji adalah Sg. Segaliud, Sg. Pang Burung, Sg. Muanad, Sg. Kalumpang dan Sg. Segama. Deraf terakhir laporan kajian tersebut dijangka selesai pada bulan Mei tahun ini.

Sementara itu, pihak JPS juga melaksanakan kerja-kerja pembersihan sungai secara berterusan dengan menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), JPS telah diperuntukkan sebanyak RM 7.5 juta di bawah Program Pemulihan Sungai-Sungai Sabah yang telah dilaksanakan di seluruh negeri. Selain itu, Kerajaan Negeri Sabah telah meluluskan peruntukan sejumlah RM 5 juta setiap tahun untuk Program "Pembersihan Sungai dan Peredahan Banjir" yang bertujuan untuk memulihara sungai-sungai di pelbagai daerah dalam negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengatasi masalah banjir di kawasan-kawasan tersebut, pihak JPS melaksanakan pelbagai projek dengan menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Projek-projek yang dilaksanakan ialah:

- (i) Kerja-kerja tebatan banjir di Sg. Dambai (termasuk dalam sistem Rancangan Tebatan Banjir Sg. Menggatal), Sg. Pancuran (Lahad Datu), Sg. Petagas dan Sg. Moyog melibatkan peruntukan sebanyak RM 36 juta yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan di bawah RMKe-10 *Rolling Plan* Pertama (2011-2012);
- (ii) Kerja-kerja pembaikan kepada Sg. Tawau dalam tempoh RMKe-10

Rolling Plan Pertama dengan menggunakan peruntukan RM 4 juta yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri untuk mengurangkan kejadian banjir di Kg. Pasir Putih, Tawau;

- (iii) "Skim Pencegahan Banjir Di Kota Kinabalu" dalam RMKe-10 *Rolling Plan* Pertama dengan menggunakan peruntukan sebanyak RM 3.5 juta daripada Kerajaan Negeri;
- (iv) "Saluran Bandar Kota Kinabalu" dalam RMKe-10 *Rolling Plan* Pertama dengan menggunakan peruntukan sebanyak RM 20.5 juta yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri untuk membaiki sistem saliran di Bandaraya Kota Kinabalu; dan
- (v) Kerja-kerja pembinaan "bund" dan pintu kawalan di Pekan Beaufort dengan kos RM 5.375 juta yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri. Kerja-kerja ini dijangka siap dalam tahun 2011 dan akan membantu mengurangkan kekerapan banjir di Pekan Beaufort.

Selain itu, JPS juga bercadang untuk melaksanakan projek-projek tebatan banjir untuk Tawau dan Beaufort dalam RMKe-10 *Rolling Plan* Kedua tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan.

Sekian, terima kasih.

Soalan No : 31

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISA N
DARIPADA	Y.B. IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI (LEDANG)
TARIKH	31.03.2011

SOALAN:

Y.B. IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI [LEDANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian akan mempamerkan 'Rangking' sekolah-sekolah rendah dan menengah di negara ini selaras dengan pemilihan sekolah-sekolah bestari yang sedang diamalkan oleh Kementerian. Apakah pula kesan baik ke atas penyenaraian sekolah bestari terhadap keseluruhan mutu pendidikan di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Penarafan sekolah-sekolah rendah dan menengah yang dilaksanakan menerusi *Smart School Qualification Standards (SSQS)* setiap tahun bukan bertujuan untuk pemilihan Sekolah Bestari. Ianya adalah untuk mengukur tahap pembudayaan ICT di sekolah. Keputusan penarafan sekolah dimaklumkan dalam Mesyuarat Ketua-Ketua Bahagian Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) yang dihadiri oleh Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri dan Mesyuarat Pengurusan Pendidikan KPM.

Penarafan ini membantu pihak pengurusan mengesan pembudayaan ICT dalam pendidikan bagi meningkatkan kualiti pembelajaran dan pengajaran (p&p), keberkesanan pengurusan dan pentadbiran serta kompetensi guru di sekolah-

sekolah di seluruh negara. Bagi tahun 2010, sebanyak 8,147 buah sekolah yang telah mencapai tahap bestari (3-5 bintang).

Proses penarafan membantu KPM melaksanakan aktiviti dan program yang dapat melahirkan modal insan yang kreatif, inovatif dan yang berkemahiran tinggi, khususnya dalam bidang ICT dan kemahiran abad ke-21, sejajar dengan aspirasi kerajaan untuk meningkatkan daya saing negara melalui peningkatan kualiti modal insan yang berkeupayaan untuk berinovasi dan meneroka bidang- bidang baharu bagi menjana kekayaan negara.

SOALAN NO:

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN
DARIPADA**

LISAN
**YB. DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD
GHAZALI [TITIWANGSA]**

TARIKH

KHAMIS, 31 MAC 2011

**RUJUKAN
SOALAN**

07 [PR-000- L43017]

**Dr. Lo¹ binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta MENTERI
WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR**

menyatakan mengapakah sehingga kini Keramat Mall masih tidak beroperasi serta berapa lama lagi masa diperlukan untuk terus melayan kerentah bakal-bakal penyewa dan persatuan peniaga yang terlibat dan berapakah kos penyelenggaraan bulanan sejak Keramat Mall siap sehingga kini.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Titiwangsa, *Keramat Mall* yang terletak di Kampung Dato' Keramat adalah sebuah kompleks pasar dan perniagaan moden setinggi 4 tingkat yang mengandungi pasar awam, gerai berkunci, medan selera, dewan keramaian, surau, bank, pejabat pos, tandas dan tempat letak kereta. Kompleks ini telah pun siap dari segi pembinaan fizikalnya.

Namun demikian, Kompleks Keramat Mall masih tidak beroperasi kerana Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melaksanakan kerja-kerja penambahbaikan mengikut permintaan para peniaga yang bakal dipindahkan ke kompleks ini. Senarai kerja-kerja penambahbaikan yang telah dilaksanakan tersebut adalah seperti yang telah dijawab kepada Yang Berhormat bagi Titiwangsa berhubung dengan perkara yang sama dalam Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Dewan Rakyat pada November tahun 2009.

Untuk makluman Yang Berhormat, projek pembangunan Keramat Mall juga adalah bertujuan untuk memberi peluang perniagaan kepada peniaga dan penjaja di sekitar Datuk Keramat. Antara yang diberi keutamaan adalah penjaja-penjaja yang aktif bermiaga di Pasar Keramat Lama. Berdasarkan kepada beberapa siri perbincangan dengan pihak berkepentingan dan persatuan Penjaja setempat seramai 84 penjaja sahaja yang bersetuju untuk berpindah selewat-lewatnya pada Mei 2011 ke dalam ruang perniagaan Kompleks Keramat Mall.

Bagi mereka yang enggan berpindah akan terus bermiaga di tapak sedia ada sekarang. Sementara itu, bagi mengisi ruang-ruang yang kosong dalam Keramat Mall, tawaran akan diberi kepada peniaga dan penjaja di sekitar Datuk Keramat. Sementara itu, di dalam Kompleks Keramat Mall juga mempunyai beberapa kemudahan termasuk Dewan Komuniti yang boleh digunakan pada April 2011. Berkenaan tempat meletak kenderaan pula, pelaksanaannya akan dibuat setelah 11 orang pemilik tanah dipindahkan ke pasar bersama 84 orang peniaga.

Sementara itu, dari segi kos penyelenggaraan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur membayar sebanyak RM16,000 sebulan kepada pembekal perkhidmatan kawalan keselamatan dan kos utiliti sebanyak RM5,800 sebulan.

NO SOALAN:33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ

[SRI GADING]

TARIKH 31 MAC 2011

SOALAN

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz [Sri Gading] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapa ramai penuntut yang diberikan biasiswa melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah kedoktoran di luar negara tetapi tidak balik bekerja di dalam negara dan di negara mana yang menjadi tumpuan mereka bekerja.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) ada menyediakan penajaan untuk rakyat Malaysia yang cemerlang bagi melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Lanjutan di bawah program biasiswa Yang Dipertuan Agong. Sehingga kini, semua penuntut yang diberikan biasiswa Yang Dipertuan Agong yang melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah kedoktoran di luar negara kembali untuk berkhidmat di Malaysia.

SULIT

NO:34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

**DARIPADA DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN
[PENDANG]**

TARIKH 31 MAC 2011 (KHAMIS)

SOALAN NO. 16 (AUM M/S. 277)

Dato' Dr. Haji Mohd Hayati bin Othman [Pendang] minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan kejayaan belia negara kita di dalam aspek kehidupan belia yang bukan hanya melibatkan kejayaan dalam bidang sukan sahaja, berserta statistik kejayaan tersebut.

JAWAPAN

Melalui program yang dilaksanakan oleh pihak kementerian, kejayaan belia negara dapat dilihat dalam dua bidang utama iaitu, kemahiran dan keusahawanan. Sepanjang tempoh lima tahun (2006 hingga 2010), seramai 34,316 orang belia telah dilatih dan berjaya dalam bidang kemahiran manakala untuk tempoh 2008 hingga 2009, seramai 1,898 belia telah melibatkan diri dalam bidang keusahawanan.

SOALAN NO.:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA **Y.B. TUAN MASIR ANAK KUJAT**

KAWASAN **SRI AMAN**

TARIKH **31 MAC 2011 (KHAMIS)**

SOALAN:

Y.B. TUAN MASIR ANAK KUJAT (SRI AMAN) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai rancangan dalam RMK-10 untuk menaik taraf jalan Pan *Borneo Highway* di Sri Aman dari 2 lorong berkembar kepada 4 lorong berkembar.

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya mengambil maklum dan memberikan perhatian serius tentang keperluan bagi menaik taraf rangkaian Jalan Persekutuan Utama Pan-Borneo yang menghubungkan bandar-bandar utama di Negeri Sabah dan Sarawak.

Sehubungan itu, Pelan Induk Pembangunan Rangkaian Lebuhraya atau *Highway Network Development Plan* - HNDP bagi Malaysia Timur (2010) telah mengesyorkan supaya Kerajaan menaik taraf jalan Persekutuan Pan-Borneo - termasuk di bahagian Sri Aman,

JAWAPAN

Sarawak - secara berperingkat-peringkat mulai dari tempoh RMKe- 10, tertakluk kemampuan kewangan Kerajaan. Skop projek di bahagian Sri Aman ini melibatkan cadangan menaik taraf Jalan Persekutuan kepada standard piawai JKR R5, 4 lorong 2 hala yang menghubungkan Serian - Sri Aman - Sibu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan projek ini akan dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi di jabatan Perdana Menteri untuk dipertimbangkan pelaksanaannya dalam Tempoh Separuh Kedua RMKe-10 kelak.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO: 36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN: LISAN

**DARIPADA : DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD [
KUALA SELANGOR]**

TARIKH : 31 MAC 2011

SOALAN

DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD [KUALA SELANGOR]

minta PERDANA MENTERI menyatakan tentang kedudukan laporan dakwaan '*irregularity*' dalam harga perolehan 38 unit Electric Multiple Unit (EMU)-6 koc untuk KTMB dari Zhuzho Electric Locomotive Corporation sebanyak RM 500 juta yang telah disiasat oleh SPRM.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMEP NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ke atas

terhadap dakwaan irregularity (dengan izin) dalam harga perolehan 38 unit Electric Multiple Unit (EMU)-6 koc untuk KTMB dari China South Locomotive sebanyak RM500 juta masih lagi dijalankan. Namun begitu, sebagaimana Y.B. sedia maklum, tindakan siasatan yang dijalankan tidak boleh didedahkan kepada umum di atas kepentingan siasatan dan unsur kerahsiaan sebagaimana peruntukan Seksyen 29(4) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Sekian, terima kasih.

NO. AUM : 13

NO. AUP : W

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID

[PADANG BESAR]

TARIKH 31 MAC 2011

RUJUKAN 3551

SOALAN:

Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid [Padang Besar] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan perkataan "racist" sering digunakan oleh sesetengah pihak di negara ini bagi "melabel" kan pihak yang lain sama ada mereka yang lantang mempertahankan

Perkara 153 Perlembagaan Malaysia sebagai "racist".

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat

JAWAPAN:

Padang Besar yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, perkataan “*racist*” sering merujuk kepada individu atau kumpulan yang tidak bertanggungjawab yang cuba memecah-belahkan perpaduan kaum di negara ini. Kerajaan amat serius dan akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang cuba mencetuskan isu ini sehingga mengundang kepada ketegangan kaum di negara ini.

Tuan Yang Dipertua,

Ahli Yang Berhormat pun sedia maklum pada masa kini terdapat sesetengah pihak yang cuba memanipulasi peruntukan di bawah Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan yang memperbincangkan mengenai hak keistimewaan orang Melayu dan Bumiputera dimana lazimnya banyak pihak mengaitkan perkara tersebut dengan kontrak sosial. Namun pada hakikatnya, hak-hak tersebut adalah termaktub secara bertulis di dalam Perlembagaan Persekutuan dan oleh yang demikian ianya merupakan sebahagian daripada Perlembagaan Persekutuan

itu sendiri. Sehubungan itu, ia merupakan suatu perkara yang wajib untuk dipatuhi dan dihormati selaku undang-undang yang tertinggi di negara ini.

Oleh yang demikian, perbuatan melabelkan mana-mana pihak yang lantang mempertahankan hak keistimewaan orang Melayu dan Bumiputera sepetimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan sebagai “racist” tidak seharusnya berlaku. Perbuatan ini bukan sahaja mencerminkan tindakan yang tidak menghormati undang-undang, bahkan mempunyai unsur-unsur menghasut yang boleh mencetuskan kepada keadaan yang tidak harmoni dalam negara ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B. DATO' SERI ZAHRAIN

MOHAMED HASHIM

[BAYAN BARU]

TARIKH 31 MAC 2011

SOALAN Meminta MENTERI PELANCONGAN

SOALAN 39

menyatakan :

Apakah tindakan dan peraturan yang sudah dan akan dilaksanakan untuk menjamin keselamatan pelancong agar kejadian seperti kemalangan yang melibatkan jet ski di Pulau Pinang baru-baru ini tidak berulang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, tindakan dan peraturan mengenai keselamatan pelancong di persekitaran pantai seperti kes kemalangan yang melibatkan jet ski di Pulau Pinang baru-baru ini adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berkenaan. Kerajaan Negeri mempunyai kuasa bagi menangani masalah ini dengan mengambil tindakan ke atas pengusaha sukan air tersebut.

Kementerian Pelancongan juga telah mengambil inisiatif dengan mengadakan mesyuarat dan taklimat kepada pengusaha pelancongan supaya memperingatkan para pelancong yang dikelolakan oleh mereka tentang aspek keselamatan terutama dalam aktiviti jet ski di Pulau Pinang, Pulau Pangkordan Pulau Redang pada 2010.

NO. SOALAN : 39

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN
DARIPADA
TARIKH

LISAN

TUAN DING KUONG HUNG [SARIKEI

] 31.03.2011 (KHAMIS)

TUAN DING KUONG HUNG [SARIKEI] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan usaha Kerajaan menaikkan kadar harga tong gas masak pada kadar sekarang sedangkan menghadapi masalah kekurangan bekalan tong tersebut. Jika tidak, nyatakan sebabnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan tidak mengawal harga silinder Gas Petroleum Cecair (LPG). Kerajaan hanya mengawal harga runcit produk tersebut. Harga silinder LPG ditentukan oleh syarikat pembekal mengikut kos pengeluaran masing-masing.

Masalah kekurangan bekalan silinder adalah disebabkan oleh permintaan yang melebihi pengeluaran. Walau bagaimanapun, syarikat pembekal telah diminta untuk meningkatkan kadar pengeluaran silinder bagi mengatasi masalah ini.

NO. AUM : 12

NO. AUP : Ij-0

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]

TARIKH 31 MAC 2011

RUJUKAN 3539

SOALAN:

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan kemalangan dan kematian yang melibatkan bas ekspres setiap tahun mulai 2001 hingga 2010.
Tuan Yang DiPertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Gopeng yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, jumlah kemalangan yang melibatkan bas ekspres di seluruh negara

JAWAPAN

pada tahun 2001 adalah sebanyak **1,373** kes, tahun 2002 sebanyak **1,546** kes, tahun 2003 sebanyak **1,963** kes, tahun 2004 meningkat kepada **2,007** kes, tahun 2005 menurun kepada **1,836** kes, tahun 2006 meningkat semula kepada **2,149** kes, tahun 2007 sebanyak **2,089** kes, tahun 2008 sebanyak **2,055** kes, tahun 2009 sebanyak **2,348** kes dan tahun 2010 sebanyak **2,265** kes. Jumlah keseluruhan kemalangan yang melibatkan bas ekspres dari tahun 2001 hingga 2010 adalah sebanyak **19,631** kes.

Daripada jumlah tersebut, jumlah kematian yang dicatatkan akibat kemalangan yang melibatkan bas ekspres pada tahun 2001 adalah seramai **89** orang, tahun 2002 seramai **107** orang, tahun 2003 seramai **140** orang, tahun 2004 meningkat kepada **192** orang, tahun 2005 menurun kepada **16** orang, tahun 2006 seramai **14** orang, tahun 2007 seramai **39** orang, tahun 2008 seramai **19** orang, tahun 2009 seramai **13** orang dan tahun 2010 seramai **19** orang. Jumlah keseluruhan kematian yang dicatatkan akibat kemalangan bas ekspres dari tahun 2001 hingga tahun 2010 adalah seramai **648** orang.

SOALAN 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

**Y.B. TUAN HAJI AHMAD LAI
BIN BUJANG [SIBUTI]**

**TARIKH
DARIPADA**

31 MAC 2011

SOALAN

**Meminta MENTERI PELANCONGAN
menyatakan:**

Apakah bentuk rancangan pihak Kementerian untuk sektor pelancongan di kawasan Sibuti dan Miri memandangkan kedatangan pelancong asing seperti dari Eropah, Jepun, Korea, Amerika dan lain-lain kurang melawat kawasan khazanah dunia yang terdapat di kawasan Sibuti dan Miri seperti Gua Niah, Logan Bunut, Taman Negara Lambir, Mulu dan Coral Blue Sibuti.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan melalui agensinya Tourism Malaysia senantiasa berusaha untuk mempromosikan produk-produk pelancongan untuk menarik ramai pelancong ke Malaysia. Antara produk pelancongan yang menarik perhatian para pelancong terutamanya dari Eropah, Amerika, Jepun dan Korea adalah produk berasaskan alam semulajadi (*nature*) atau eko pelancongan yang sememangnya banyak terdapat di Sarawak seperti Gua Niah, Mulu, Taman Negara Lambir dan Logan Bunut.

Pihak Tourism Malaysia menganjurkan aktiviti-aktiviti promosi mengenai Sarawak antaranya seperti berikut: -

- 1) Menganjurkan lawatan suai kenal ke produk-produk pelancongan yang terdapat di Sarawak seperti Gua Mulu yang sentiasa dipromosikan kepada agen-agen dan pihak media di luar negara. Melalui program ini, pihak media boleh menulis mengenai keindahan eko pelancongan yang terdapat di Sarawak untuk menarik minat pembaca melancong ke Sarawak manakala pihak agen boleh

membangunkan dan menjual pakej-pakej pelancongan ke Sarawak.

- 2) Membawa agen-agen pelancongan dari Sarawak ke pameran-pameran utama seperti World Travel Market (WTM) di London United Kingdom, International Tourism Bourse (ITB) di Berlin Jerman, Moscow International Travel & Trade (MITT) Fair di Moscow, Russia, TUR Gothenburg di Gothenburg Sweden, Top Resa di Paris, Perancis, Arabian Travel Market (ATM) di Dubai Emiriah Arab Bersatu, Japan Association of Travel Agent (JATA) World Travel Fair di Tokyo Jepun, dan Korean World Travel Fair (KOFTA) di Seoul Korea untuk mempromosikan produk-produk pelancongan di Sarawak.
- 3) Pengiklanan di media cetak dan elektronik luar negara terutamanya di siaran CNN, AXN Japan, Fox, MTV Asia, BBC yang boleh disaksikan oleh penduduk di Jepun, Korea, United Kingdom Jerman dan lain-lain.
- 4) Menerbitkan brosur yang mengandungi maklumat mengenai produk eko pelancongan di Sarawak di dalam Malaysia Travel Guide, *Special Interest Brochure* (seperti National & Marine Parks, Islands & Beaches,) East Malaysia Regional

Brochure dan juga Travel Manual Trade Brochure yang diterjemahkan ke dalam bahasa, Perancis, Jerman, Korea, Jepun dan lain-lain. Brosur-brosur ini diedarkan kepada para pelancong melalui pejabat Tourism Malaysia di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Perancangan Tourism Malaysia untuk masa hadapan bukan sahaja untuk mempertingkatkan jumlah kedatangan para pelancong asing ke Sarawak malah juga untuk menggalakkan mereka tinggal lebih lama di Sarawak.

NO. AUM :Jrf

NO. AUP : 4-1-

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN AMRAN BIN AB GHANI

[TANAH MERAH]

TARIKH 31 MAC 2011

RUJUKAN

3438

SOALAN:

Tuan Amran bin Ab Ghani [Tanah Merah] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan mengapakah Kerajaan masih membenarkan akhbar Utusan Melayu terus menerus memainkan polemik kaum dan agama sebagai bahan berita yang boleh mengganggu gugat ketenteraman dan keharmonian masyarakat pelbagai kaum di negara kita.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Utusan Melayu merupakan sebuah akhbar mingguan berbahasa Melayu yang menggunakan tulisan Jawi. Kandungan akhbar ini didapati tidak bercanggah dengan Garis Panduan Penerbitan dan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 serta tidak pernah dikenakan sebarang tindakan. Oleh itu, tiada asas untuk Kerajaan mengambil tindakan terhadap Utusan Melayu.

Soalan No : 43

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISA N
DARIPADA	Y.B. DATUK WEE JECK SENG (TANJONG PIAI)
TARIKH	31.03.2011

SOALAN:

Y.B. DATUK WEE JECK SENG [TANJONG PIAI] minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk menyelesaikan masalah kekurangan guru Bahasa Cina di Sekolah Menengah Kebangsaan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa mengambil pelbagai langkah dalam menangani masalah kekurangan guru terlatih dalam pelbagai opsyen di seluruh negara termasuklah guru Bahasa Cina di SMK. Sehubungan itu, KPM telah menjalin kerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi dalam melatih guru-guru Bahasa Cina bagi keperluan di sekolah menengah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Universiti Pendidikan Sultan Idris ada menawarkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Bahasa Cina Dengan Pendidikan dan Diploma Pendidikan Bahasa Cina untuk menampung keperluan tersebut. Dengan langkah-langkah yang dilakukan ini, KPM menjangkakan masalah kekurangan guru bahasa Cina di SMK dapat diatasi.

NO.AUM : Q€²'f

NO. AUP : 41+

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA TUAN GOBIND SINGH DEO
 [PUCHONG]**

TARIKH 31 MAC 2011

RUJUKAN 3443

SOALAN:

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapa ramai penduduk negara ini yang tidak bertaraf penduduk tetap sejak 5 tahun dahulu dan bilangan mereka dari segi kaum dan apakah langkah-langkah yang telah pun/akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Yang Dipertua ,

JAWAPAN :

Terimakasih kepada Ahli Yang Berhormat Puchong yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Mengikut statistik dari Jabatan Pendaftaran Negara, penduduk negara ini yang tidak bertaraf pemastautin tetap iaitu pemegang Kad Pengenalan Pemastautin Sementara ialah seramai 12,473 orang. Pecahan mengikut kaum adalah seperti berikut:-

Melayu 1,174

Cina 2,747

India 901

Lain-lain 7,651

Kementerian Dalam Negeri telah mengambil usaha dan langkah- langkah yang perlu untuk mengatasi masalah penduduk negara ini yang tiada dokumen pengenalan diri bagi mereka yang layak terutama bagi penduduk pedalaman dan yang daif. Antara program- program yang telah dan sedang dijalankan oleh Kementerian melalui Jabatan Pendaftaran Negara seperti berikut:-

1. Program MyDaftar bagi seluruh Semenanjung Malaysia bermula sejak

26 November 2008 sehingga sekarang.

2. **Penubuhan Unit Mobile** bagi seluruh Semenanjung Malaysia sejak tahun 2003.
3. **Penubuhan Unit Khas Bergerak (UKB)** bagi Negeri Sabah dan Sarawak bermula sejak tahun 2002 sehingga sekarang.
4. Pelaksanaan program-program *'outreach'* bersama-sama lain- lain agensi.

NO. AUM : 6

NO. AUP : 'I

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA **DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN
OSMAN [LIPIS]**

TARIKH **31 MAC 2011**

RUJUKAN **3440**

SOALAN:

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah pengisian modul latihan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) boleh menarik lebih ramai generasi muda untuk menyertai dua agensi itu.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Lipis yang telah mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, program kesukarelaan dilaksanakan untuk menyokong Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dalam mengurangkan jenayah yang melibatkan penglibatan orang awam serta inisiatif Kementerian dalam menggerakkan gelombang kesukarelaan.

Sehubungan dengan itu, bagi menarik lebih banyak penyertaan daripada generasi muda, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) telah melaksanakan pelbagai bentuk modul dan program latihan yang diperkemas dan diubahsuai mengikut keperluan dari semasa ke semasa. Ia perlu dilakukan supaya modul berkenaan sentiasa relevan dan menepati kehendak golongan tersebut dan dalam masa yang sama bertepatan dengan fungsi dan peranan JPAM dan RELA sendiri.

JAWAPAN

Program latihan berbentuk *bottom up* yang dilaksanakan di JPAM terdiri daripada aktiviti lasak yang mencabar mental dan fizikal peserta. Antaranya adalah latihan seperti mencari dan menyelamat di tempat tinggi, ketahanan diri dan ikhtiar hidup, akuatik dan selam skuba yang merupakan aktiviti yang menarik minat golongan belia. JPAM kini turut memperkenalkan modul baru seperti *rock climbing*, *mountaineering rescue and swift water rescue*.

Bagi RELA pula, modul yang dijalankan adalah seperti kursus jatidiri, operasi pencegahan jenayah dan perundangan serta pengendalian senjata api dan latihan menembak. Modul-modul berkenaan boleh membentuk sebahagian dari keperibadian, disiplin, pengetahuan perundangan, ketahanan fizikal serta asas kepimpinan di mana ia boleh menggalakkan penyertaan generasi muda.

Tuan Yang Dipertua,

Dalam usaha membentuk modal insan dan membangunkan jati diri golongan belia, modul yang dilaksanakan adalah berteraskan pendekatan holistik dan menyeluruh di mana latihan pembentukan disiplin, nilai, etika, kerohanian, komunikasi dan kepimpinan diterapkan demi memperkasakan golongan generasi muda. Hasil daripada usaha-usaha yang dijalankan, keanggotaan JPAM telah meningkat dari 87,670 orang pada Disember 2009 kepada 183,080 pada Disember 2010.

Keanggotaan RELA juga telah menunjukkan peningkatan yang amat ketara daripada 1,081,533 orang pada Disember 2009 kepada 2,593,263 orang pada Disember 2010.

SOALAN (46)

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

TARIKH	PE RT AN
DARIPADA	YA AN

LISA
N

31 MAC 2011 (KHAMIS)

Y.B. TUAN HAJI AHMAD BIN
KASIM [KUALA KEDAH]

SOALAN

Y.B. TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM [KUALA KEDAH 1 minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan mengenai status Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS) adakah telah mencapai ciri-ciri sebuah bandar raya sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Akta PBT . Apakah sumbangan pihak kementerian bagi memastikan semua bandar raya dalam negara mencapai objektifnya.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Seksyen 4(2) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (akta 171) memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri setelah berunding dengan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk menukar status sesuatu PBT. untuk makluman, cadangan Kerajaan Negeri Kedah untuk menaik taraf Majlis Perbandaran Kota Setar (MPKS) kepada Majlis Bandaraya Alor Star (MBAS) telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu Saiz Perkhidmatan Awam yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara di dalam mesyuaratnya pada 28

SOALAN (47)

Januari 2003.

MBAS mendapat taraf Bandar raya di atas kriteria-kriteria berikut:

merupakan pusat pentadbiran negeri yang mempunyai penduduk tidak kurang daripada 300,000 orang;
hasil tahunannya tidak kurang daripada RM80 juta;
mengalami pembangunan ekonomi yang pesat;
mempunyai institusi kewangan yang kukuh;
terdapat pusat pengajian tinggi yang lengkap;
pusat aktiviti kebudayaan dan sukan yang penting serta ciri-ciri istimewa dari segi faktor sejarah.

Jemaah Menteri pada 21 Mei 2003 telah mempertimbangkan dan bersetuju dengan cadangan naiktaraf bandaraya kepada MPKS walaupun pada ketika itu MPKS belum mencapai salah satu daripada kriteria yang ditetapkan iaitu pendapatan RM80 juta setahun. Ini adalah kerana Jemaah Menteri berpandangan bahawa kriteria hasil pendapatan sebanyak RM80 juta setahun adalah terlalu tinggi bagi PBT di negeri Kedah dan kriteria berkenaan lebih sesuai untuk PBT di negeri-negeri berpendapatan tinggi.

Kerajaan Persekutuan membantu PBT melalui pemberian berikut:

- i) Geran Tahunan
- ii) Sumbangan Membantu Kadar
- iii) Geran pembangunan projek-projek kecil
- iv) Kursus serta latihan bimbingan
- v) Menempatkan pegawai-pegawai di OSC.

**Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan**

Mac 2011

SOALAN NO: 36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATUK MD. SIRAT BIN ABU

TARIKH: 31 MAC 2011

SOALAN:

Datuk Md. Sirat bin Abu [Bukit Katil] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan sistem kuota dalam mana-mana bidang pekerjaan berdasarkan gender, memandangkan bandingan bilangan lelaki dan wanita berkelulusan pada masa ini semakin jauh jaraknya.

PR-000-L41307

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Mengikut Artikel 8(1) dan (2) Perlembagaan Malaysia memperuntukkan semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang kecuali sebagaimana dibenarkan dengan nyatanya oleh perlembagaan ini, tidak boleh ada perbezaan terhadap warganegara, jantina dalam mana-mana undang-undang atau dalam perlantikan bagi apa-apa jawatan atau pekerjaan di bawah sesuatu pihak berkuasa awam atau dalam pentadbiran mana-mana undang-undang berkenaan.
2. Bagi makluman Dewan Yang Mulia, berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, penyertaan tenaga buruh wanita dalam guna tenaga pada tahun 2010 adalah seramai 4.270,7 juta orang daripada 11.748,9 juta orang tenaga buruh. Kadar penyertaan tenaga buruh bagi wanita pada tahun 2010 adalah sebanyak 46.7%.
3. Mengikut Akta Kerja 1955, tiada perbezaan gender dalam mana-mana bidang pekerjaan

di negara ini.

4. Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) pula, Kerajaan mensasarkan peningkatan kadar penyertaan tenaga buruh wanita dalam guna tenaga kepada 55 peratus menjelang 2015. Untuk memastikan matlamat ini dapat dicapai, Kerajaan telah mengatur langkah-langkah seperti berikut:

- a) Meningkatkan penyertaan wanita dalam pasaran tenaga kerja. Di bawah program ini, waktu kerja anjal, kemudahan bekerja dari rumah dan mewujudkan tempat kerja yang lebih mesra keluarga akan dilaksanakan;
- b) Menambah bilangan wanita dalam peringkat pembuat keputusan;
- c) Menambah baik penyediaan sokongan kepada wanita yang menghadapi kesukaran seperti balu, ibu tunggal dan golongan berpendapatan rendah; dan.
- d) Menghapuskan semua diskriminasi terhadap kaum wanita.

Tuan Yang Di Pertua,

5. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, jumlah penglibatan golongan wanita dalam bidang-bidang profesional, sehingga Julai 2010 adalah menggalakkan, iaitu sebanyak 47.3% (6,186 orang). Peratusan wanita di peringkat membuat keputusan di sektor awam bagi tahun 2010 adalah seperti berikut:

Menteri dan Timbalan Menteri	12.9 %
Ahli Dewan Negara	25.7 %
Ahli Dewan rakyat	10.4 %
Ahli Dewan Undangan Negeri	8.0 %
Jawatan Utama Sektor Awam	20.0 %
Duta Besar, Persuruhjaya Tinggi & Wakil tetap ke	33.3 %
Kehakiman Sivil	35.2 %
Kehakiman Shariah	26.5 %
Pendidikan	37.1 %
Kaunselor	50.4 %
Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan	12.6%

6. Berdasarkan statistik daripada *Grant Thornton International Business Report 2009*, peratusan wanita di peringkat membuat keputusan di sektor swasta di Malaysia bagi tahun 2009 secara keseluruhan adalah sebanyak 31% dan perincian mengikut sektor adalah seperti berikut:

Kesihatan & Pendidikan	35%
Pengangkutan	22 %
Pembuatan	21 %
Pembinaan & Hartanah	23%
Perkhidmatan Kewangan	26%
Hospitaliti	34%
Jual Runcit	25%
Teknologi	22%

Tuan Yang Di Pertua,

7. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk meningkatkan lagi penyertaan tenaga buruh wanita, antaranya dengan menggubal Peraturan-Peraturan Kerja (Pekerja Separa Masa) 2010. Ini bertujuan menggalakkan golongan *latent workforce* seperti suri rumah, ibu tunggal, Orang Kurang Upaya (OKU), pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan warga emas untuk menyertai pasaran buruh negara. Program *homeworking* turut membantu dan menggalakkan golongan wanita supaya bekerja. Berdasarkan kepada statistik Jabatan Tenaga Kerja (JTK) sehingga 15 Mac 2011, seramai 2,837 orang wanita telah pun berjaya mendapatkan pekerjaan dengan kerjasama daripada 163 buah syarikat.

SOALAN NO.:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA **Y.B. TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD**

KAWASAN **SHAH ALAM**

TARIKH **31 MAC 2011 (KHAMIS)**

SOALAN:

Y.B. TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD (SHAH ALAM) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status projek pembinaan Hospital Shah Alam.

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya pada 1 Mac 2011 telah mengemukakan kepada Kementerian Kewangan laporan penilaian tender mengenai cadangan untuk melantik kontraktor yang baru bagi menyiapkan baki pembinaan projek Hospital Shah Alam, Selangor.

Walau bagaimanapun, Kementerian Kewangan pada 22 Mac 2011 telah memutuskan supaya perolehan kerja bagi projek ini perlu melalui proses tender semula secara konvensional, iaitu mengambil kira beberapa kriteria yang ditetapkan oleh Agensi Pusat berkenaan.

JAWAPAN

Di dalam masa yang sama, Jawatankuasa Pengurusan Nilai (*Value Management Committee*) yang diurussetiakan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri turut akan meneliti semula skop dan kos projek Hospital Shah Alam yang dilaksanakan secara Reka dan Bina ini. Sehubungan itu, tarikh mula pelaksanaan fizikal projek ini di tapak dijangka akan mengalami kelewatan, berbanding perancangan mula asal oleh Jabatan Kerja Raya, iaitu pada 28 April 2011.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA DATO' HENRY SUM AGONG
[LAWAS]**

TARIKH 31 MAC 2011

SOALAN:

SOALAN NO: 36

Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan usaha-usaha Kementerian bagi memberi kemudahan rangkaian jalur lebar di kawasan luar bandar Sarawak.

SOALAN NO: 49

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah Inisiatif Jalur Lebar Negara (NBI), program-program peluasan liputan jalur lebar dilaksanakan melalui teknologi talian berwayar dan tanpa wayar. Antara program yang sedang dilaksanakan termasuklah program Kampung Tanpa Wayar (WiFi), penambahan Pusat Telekomunikasi Jalur Lebar iaitu Pusat Jalur Lebar Komuniti (PJK) dan Perpustakaan Jalur Lebar (PJL) serta pembinaan menara telekomunikasi di kawasan-kawasan yang kurang liputan.

Bagi negeri Sarawak, sebanyak 27 PJK dan 25 PJL telah siap dibangunkan dan sedang beroperasi. Selain itu, pihak Kerajaan juga sedang mempertimbangkan cadangan untuk menaik taraf 445 kampung di Sarawak untuk dijadikan sebagai Kampung Tanpa Wayar (WiFi).

Bagi pelaksanaan menara telekomunikasi pula, sebanyak 233 menara telah siap dibina manakala 62 menara masih dalam peringkat pelaksanaan dan dijangka siap pada penghujung bulan Jun 2011. Pelaksanaan 141 menara telekomunikasi selebihnya masih di dalam peringkat perancangan dan penilaian dan dijangka siap dilaksanakan pada penghujung tahun 2011.

No. Soalan : 50

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA TUAN FONG KUI LUN

TARIKH 31 MAC 2011 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Fong Kul Lun [Bukit Bintang] minta PERDANA MENTERI menyatakan bagaimanakah pengangkutan awam boleh mendapat manfaat dari penubuhan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat memandangkan timbulnya berbagai masalah pengangkutan awam yang semakin merosot sejak akhir-akhir ini. JAWAPAN :
YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Sebelum Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat beroperasi sepenuhnya pada 31 Januari 2011, hal-hal mengenai pengangkutan awam darat dikelolakan oleh sekurang-kurangnya 13 agensi kerajaan serta kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan. Setiap agensi tersebut mempunyai dasar dan objektif sendiri mengikut bidang kuasa dan peranan masing-masing. Dengan penubuhan SPAD, agensi ini menjadi badan tunggal untuk merangka dasar, merancang, mengawalselia dan menguatkuasa undang-undang mengenai pengangkutan awam darat.

SPAD sedang merangka Dasar Pengangkutan Awam Darat Negara dan juga Pelan Induk Pengangkutan Awam Greater Kuala Lumpur/Klang Valley yang dijangka siap pada bulan September 2011. Dengan berpandukan dasar dan pelan tersebut, perkhidmatan yang lebih bersepodu akan dapat dicapai. Sementara itu, Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 yang memberikan kuasa kepada SPAD akan memperkasakan rejim pengawalseliaan dan penguatkuasaan bagi memastikan segala peraturan dan undang-undang dipatuhi.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 51

PERTANYAAN PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA Y.B. DATO' SRI ONG TEE KEAT
[PAN DAN]

TARIKH 31 MAC 2011 (KHAMIS)

SOALAN

Y.B. DATO' SRI ONG TEE KEAT [PANDAN] minta PERDANA MENTERI menyatakan

- (a) justifikasi yang mewajarkan pelaksanaan projek loji janakuasa nuklear di Malaysia; dan
- (b) perbandingan kos pembiayaan antara loji yang bersumber tenaga nuklear dengan loji yang bersumber tenaga lain serta potensi sumber tenaga suria untuk menjana kuasa.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini penjanaan kuasa elektrik di Malaysia terutamanya di Semenanjung banyak bergantung kepada bahan api fosil iaitu gas dan arang batu. Sebagai contoh, pada tahun 2010, pecahan penggunaan sumber bahan api untuk penjanaan elektrik di Semenanjung ialah 54.2% daripada gas, 40.2% daripada arang batu, 5.2% daripada kuasa hidro dan 0.4% daripada minyak.
2. Pada masa yang sama, permintaan pada waktu puncak (*peak demand*) bekalan elektrik di Semenanjung semakin meningkat, iaitu kini mencecah 15,000 Megawatt dan dijangka akan mencecah 25,000 megawatt pada tahun 2030. Selaras dengan peningkatan dalam permintaan, keupayaan penjanaan atau *reserve margin* dijangka akan berkurangan daripada 40.8% pada akhir tahun 2010 kepada 34.8% pada 2011 dan 20% pada tahun 2020.

3. Selain daripada pengurangan *reserve margin*, Malaysia juga terdedah kepada kebergantungan yang tinggi kepada bahan api arang batu yang diimport dan juga bahan api gas yang rizabnya semakin berkurangan, khususnya di Semenanjung. Selain itu, harga bahan api fosil berkenaan dijangka akan terus meningkat di masa hadapan dan ini boleh menimbulkan risiko dari segi pembekalan tenaga yang andal dan berterusan kepada negara.
4. Untuk menangani peningkatan permintaan bekalan elektrik dalam keadaan sumber tenaga yang berkurangan, Kerajaan menekankan kedua-dua aspek penerokaan sumber tenaga baru atau tambahan dari segi bekalan atau dengan izin, *supply-side* dan juga pengurusan permintaan tenaga, dengan izin *demand-side management*) yang lebih cekap.
5. Dalam hubungan ini juga, penggunaan kuasa nuklear akan dapat menjamin kos penjanaan elektrik yang lebih kompetitif dan ekonomik berbanding dengan sumber bahan api yang lain. Selain itu, tenaga nuklear juga akan dapat mengurangkan kadar peningkatan penghasilan gas rumah hijau negara.
6. Menyedari hakikat dan fakta tersebut di atas, Kerajaan mengambil keputusan untuk membangunkan tenaga nuklear sebagai salah satu sumber tenaga baru di bawah Program Transformasi Ekonomi negara di samping membangunkan sumber tenaga boleh diperbaharu termasuk tenaga suria.
 1. Mengenai perbandingan kos pembiayaan antara loji janakuasa nuklear dan loji bersumber tenaga lain serta potensi sumber tenaga suria, untuk makluman ahli Yang Berhormat, secara amnya kos keseluruhan bagi penjanaan elektrik melibatkan loji janakuasa elektrik, merangkumi kos modal bagi pembinaan sesebuah loji itu dan juga kos operasi, termasuk kos bahan api. Tetapi, berbeza dari kos penjanaan elektrik dari sumber-sumber bukan nuklear, kos penjanaan elektrik bagi loji janakuasa nuklear juga termasuk kos pengurusan sisa dari bahan api nuklearnya, serta kos penyahtaulianan (*decommissioning*) loji tersebut di akhir tempoh hayatnya. Kos pengurusan sisa dan kos penyahtaulianan ini dianggap sebagai kos

Tuan Yang Di-Pertua,

dalaman (*internal cost*) dan bukannya kos luaran (*external cost*) seperti loji loji janakuasa bukan nuklear.

2. Kos modal bagi sesebuah loji janakuasa nuklear berkeupayaan 1,000 Megawatt (MW) dianggarkan di antara 2.5 dan 4 billion Dolar Amerika, dan tempoh hayat loji janakuasa nuklear kini adalah 60 tahun. Tempoh hayat ini juga mungkin dapat dilanjutkan kepada 80 tahun, bergantung kepada keadaan loji tersebut di akhir 60 tahun pertama tempoh hayatnya.
3. Secara amnya, sekitar 60% daripada kos penjanaan elektrik oleh sesebuah loji janakuasa nuklear adalah berpunca dari kos modal loji tersebut, dengan 20% lagi melibatkan kos operasi dan penyenggaraan, dan baki 20% melibatkan kos bahan api nuklear. Kos penyahtaulianan loji janakuasa nuklear adalah antara 1% hingga 5% dari kos penjanaan elektrik oleh loji berkenaan. Kos ini dimasukkan dalam tarif elektrik dengan kutipannya ditabungkan untuk digunakan semasa penyahtaulianan sesebuah loji itu selepas tamat tempoh hayatnya.
4. Jumlah kos bahan api nuklear yang menyumbang kepada 20% dari kos penjanaan pula adalah termasuk kos bahan mentah uranium sebanyak 5% dari kos penjanaan elektrik, kos penukaran uranium (*uranium conversion*) untuk proses pembuatan bahan api nuklear sebanyak 1%, kos pengayaan uranium (*uranium enrichment*) sebanyak 6%, kos fabrikasi bahan api sebanyak 3% dan kos pengurusan sisa nuklear sebanyak 5%.
5. Kos penjanaan elektrik dari loji janakuasa nuklear tidak banyak dipengaruhi oleh sebarang peningkatan kos bahan api nuklear berbanding loji janakuasa gas atau arang batu. Ini kerana komponen kos bahan api dalam kos penjanaan elektrik dari loji janakuasa nuklear hanya sekitar 20%, berbanding hampir 40% bagi loji janakuasa gas dan sekitar 75% bagi loji arang batu.

6. Walau pun jumlah kos modal bagi sesebuah loji janakuasa nuklear per Megawatt keupayaan penjanaan elektriknya adalah lebih tinggi daripada loji janakuasa yang menggunakan bahan api lain, kos penjanaan per kilowatt-jam elektrik masih ekonomik dan kompetitif. Berdasarkan perkiraan oleh Makmal Bidang Keutamaan Ekonomi (NKEA) negara pada tahun 2010, kos penjanaan elektrik dari loji janakuasa nuklear di Malaysia dijangka bersamaan dengan kos penjanaan elektrik oleh loji arang batu, iaitu 19 sen per kWh, berbanding 21 sen bagi loji janakuasa turbin gas kitar padu (*combined cycle gas turbine (CCGT)*), 24 sen/ per kilowatt-jam bagi penjanaan kuasa hidro oleh empangan Bakun dan juga kos penyaluran elektrik ke Semenanjung, 44 sen/ per kilowatt-jam bagi loji janakuasa turbin gas kitar terbuka (*open cycle gas turbine (OCGT)*) dan 51 sen per kilowatt-jam bagi loji janakuasa suria berpusat (*centrally-generated*).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN LISAN

DARIPADA

TUAN JOHN A/L FERNANDEZ

[SEREMBAN]

NO. SOALAN : 39

TARIKH

31 MAC 2011

SOALAN

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berkenaan dengan lawatan isteri kepada YAB. Perdana Menteri ke Oman dari 16 hingga 19 Januari 2011:-

- (a) berapakah kos yang ditanggung oleh Kerajaan bagi membiayai lawatan itu; dan

- (b) apakah objektif yang cuba dan berjaya dicapai daripada lawatan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lawatan isteri Perdana Menteri ke Muscat, Oman pada 16hb hingga 18hb Januari 2011 adalah bagi memenuhi undangan daripada Menteri Pembangunan Sosial, Kerajaan Oman.

Tiada kos yang ditanggung oleh Kerajaan terhadap isteri Perdana Menteri memandangkan beliau telah diberikan status Tetamu Negara sewaktu lawatan ke negara tersebut.

Kos perbelanjaan bagi seluruh delegasi yang mengikuti beliau ialah RM52,953.26. Senarai delegasi ini yang telah mendapat kelulusan Jemaah Menteri untuk menyertai rombongan tersebut adalah Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, serta isteri Menteri- Menteri, Menteri Besar-Menteri Besar, Ketua Menteri serta beberapa pegawai kerajaan yang terlibat.

Undangan terhadap Isteri Perdana Menteri untuk menyampaikan ucaptama ini seharusnya dilihat sebagai pengiktirafan kepada Malaysia sebagai antara negara yang mempunyai dasar, strategi dan pelaksanaan terbaik dalam ehwal pendidikan awal dan penjagaan kanak-kanak, pembangunan wanita dan kebajikan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
NO SOALAN: 58**

**OLEH Y.B. DATO' SRI LIOWTIONG LAI MENTERI KESIHATAN
MALAYSIA**

PERTANYAAN DARIPADA

LISAN

**TARIKH BERSIDANG SOALAN DATUK HAJAH NORAH BINTI
 ABD RAHMAN [TANJONG**

Datuk Hajah Norah binti Abd MANIS]

Rahman [Tanjong Manis] 31 MAC 2011

minta MENTERI KESIHATAN

menyatakan sama ada Kementerian dapat mempertimbangkan sebuah klinik yang dilengkapi dengan perkakas dan ubat-ubatan dan menyediakan doktor dan jururawat memandangkan terdapat 12,000 orang penduduk menetap di Pulau Bruit.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini penduduk di kawasan Pulau Bruit mendapat khidmat penjagaan kesihatan dari 3 buah klinik kesihatan iaitu Klinik Kesihatan Betanak, Klinik Kesihatan Tekajong dan Klinik Kesihatan Bruit. Klinik tersebut dikendalikan oleh 4 orang Penolong Pegawai Perubatan dan 6 Jururawat Masyarakat yang ditempatkan secara

tetap di klinik kesihatan ini. Perkhidmatan doktor disediakan melalui Perkhidmatan Doktor Udara secara bulanan mengikut jadual lawatan yang telah ditetapkan. (**sila rujuk lampiran**)

Kelengkapan di klinik tersebut dari segi peralatan dan ubat-ubatan yang disediakan di Klinik Kesihatan Betanak, Klinik Kesihatan Tekajong dan Klinik Kesihatan Bruit pada masa ini adalah mencukupi dan bersesuaian dengan skop perkhidmatan yang diberikan, iaitu Perkhidmatan Pesakit Luar dan Perkhidmatan Ibu Anak. Ujian saringan seperti paras gula di dalam darah untuk mengesan kencing manis dan paras hemoglobin bagi mengesan kekurangan hemoglobin mampu dijalankan di klinik kesihatan ini. Rawatan susulan bagi penyakit kronik seperti diabetis dan darah tinggi serta kes asma juga mampu dikendalikan bersesuaian dengan ubat-ubatan dan peralatan yang terdapat di klinik kesihatan ini.

Perkhidmatan kesihatan sedia ada di ketiga-tiga klinik kesihatan ini serta Perkhidmatan Doktor Udara yang dijalankan mampu memenuhi keperluan kesihatan kepada penduduk di Pulau Bruit pada masa ini. Walaubagaimanapun naik taraf peralatan yang terdapat di klinik kesihatan sedia ada akan dijalankan dari semasa ke semasa bagi memastikan peningkatan mutu perkhidmatan kepada penduduk setempat.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Kesihatan telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM50.000 bagi kerja-kerja baik pulih platform tangki air hujan dan

RM100,000 bagi kerja-kerja membaiki bangunan di Klinik Kesihatan Betanak. Kementerian Kesihatan juga telah menyalurkan sebanyak RM 157,800 bagi naiktaraf Klinik Kesihatan Bruit di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi 1 (PRE1) pada tahun 2009.

LAM PI RAN

JADUAL PERKHIDMATAN DOKTOR UDARA (PDU) DI BAHAGIAN MUKAH YANG MELIBATKAN LAWATAN KE BRUIT, TEKAJIONG DAN BETANAK

BULAN JANUARI 2011

TARIKH	HARI	NO. KOD	LOKASI	PROGRAM	CATATAN
25.01.2011	Selasa	616	KK Tekajong	Pagi	PDU
		618	KK Bruit	Pagi	
		614	KK Betanak	Petang	
26.01.2011	Rabu	342	Rh. Meling	Pagi	PDU
		303	SRK. Sg. Bawan	Pagi	
		341	Rh. Ebot	Petang	
27.01.2011	Khamis	332	SRK Sg. Anak	Pagi	PDU
		356	SRK Sg. Tau	Petang	
28.01.2011	Jumaat	357	Rh. Penghulu Nuri	Pagi	PDU
		343	Rh. Balai	Pagi	
		344	Rh. Ujit	Petang	
31.01.2011	Isnin	359	Rh. Usah	Pagi	PDU
		360	Rh. Ambah	Petang	

BULAN FEBRUARI 2011

TARIKH	HARI	NO. KOD	LOKASI	PROGRAM	CATATAN
28.02.2011	Iasnin	616	KK Tekajong	Pagi	PDU
		618	KK Bruit	Pagi	
		614	KK Betanak	Petang	
		342	Rh. Meling	Pagi	PDU
		303	SRK. Sg. Bawan	Pagi	
		341	Rh. Ebot	Petang	
		332	SRK Sg. Anak	Pagi	PDU
		356	SRK Sg. Tau	Petang	
		353	Rh. Madang, Inyang	Pagi	PDU
		319	Rh. Labang, Sebakong	Petang	
		359	Rh. Usah	Pagi	PDU
		360	Rh. Ambah	Petang	

TARIKH	HARI	NO. KOD	LOKASI	PROGRAM	CATATAN
29.03.2011	Rabu	616	KK Tekajong	Pagi	PDU
		618	KK Bruit	Pagi	
		614	KK Betanak	Petang	
01.03.2011	Selasa	342	Rh. Meling	Pagi	PDU
30.03.2011	Khamis	303	SRK. Sg. Bawan	Pagi	
		341	Rh. Ebot	Petang	
02.03.2011	Rabu	332	SRK Sg. Anak	Pagi	PDU
31.03.2011	Jumaat	356	SRK Sg. Tau	Petang	
03.03.2011	Khamis	353	Rh. Madang, Inyang	Pagi	PDU
		319	Rh. Labang, Sebakong	Petang	
04.03.2011	Jumaat	359	Rh. Usah	Pagi	PDU
		360	Rh. Ambah	Petang	

No. Soalan :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA YB TAN SRI DATO* ABD. KHALID BIN IBRAHIM [
BANDAR TUN RAZAK]

31 MAC 2011

TARIKH YB Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]
SOALAN minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan

(a) berapakah jumlah rakyat Malaysia yang telah memilih untuk hidup di luar negara (pecahan mengikut negara yang dipilih, kaum dan tahap pelajaran); dan

(b) berapa ramaikah yang telah menyerahkan kerakyatan mereka dan apakah sebab utama mereka berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua,

JAWAPAN:
Terima kasih Yang Berhormat Bandar Tun Razak di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang Di Pertua,

2. Menurut rekod di Kementerian ini, seramai 91,131 warganegara Malaysia telah berdaftar dengan Perwakilan Malaysia di luar negara.

3. Berdasarkan anggaran terkini yang dikumpul daripada Perwakilan-Perwakilan Malaysia di luar negara , seramai 65,474 warganegara Malaysia telah ke luar negara untuk belajar, 52,426 untuk bekerja, manakala 7,826 warganegara Malaysia telah menetap di luar negara atas sebab perkahwinan dengan warganegara asing. Seramai 31,678 orang pula telah melepaskan kewarganegaraan Malaysia mereka atas sebab-sebab perkahwinan dan mempunyai perniagaan sendiri dan aset di negara tersebut.

Tuan Yang Di Pertua,

4. Seperti mana Dewan yang mulia ini sedia maklum, rakyat Malaysia yang keluar negara untuk tujuan belajar adalah bersifat sementara, di mana sebahagian besar warganegara ini akan kembali ke Malaysia setelah tamat pengajian. Melalui maklumat yang diterima oleh Perwakilan Malaysia di luar negara, sebahagian besar warganegara Malaysia telah memilih untuk berhijrah ke luar

negara atas sebab mencari peluang perkerjaan yang menjamin pulangan pendapatan yang lebih besar berbanding di Malaysia. Selain itu, sebahagian besar warganegara yang berhijrah ke luar

negara adalah kerana berkahwin dengan warganegara asing dan telah memilih untuk bersama pasangan di negara mereka masing-masing.

Sekian, terima kasih.

NO

SOALAN:55 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' SRI AZALINA BINTI
DATO' OTHMAN SAID [PENGERANG]

TARIKH 31 MAC 2011

SOALAN

Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said [Pengerang] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah terdapat sebarang cadangan dan kajian untuk mewujudkan jawatan pegawai-pegawai Kerajaan berdasarkan kawasan Parlimen dan bukannya berdasarkan daerah.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan jawatan pegawai-pegawai Kerajaan berdasarkan kawasan Parlimen. Ini adalah kerana Kerajaan berpandangan penjawat awam yang ditempatkan mengikut daerah sudah mencukupi dan bersesuaian dalam

memberi perkhidmatan kepada rakyat.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN : 39

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN LISAN

DARIPADA

YB TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD

YUSOFF [BALIK PULAU]

TARIKH

31 MAC 2011

SOALAN

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau] minta PERDANA MENTERI menyatakan pendirian mengenai isu penggantungan Ahli Parlimen pembangkang dari persidangan dewan tanpa mengambil kira undi-undi dari Ahli Parlimen pembangkang yang lain.

JAWAPAN: YB. DATUK SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penggantungan seseorang Ahli adalah mengikut peruntukan yang ditetapkan dalam Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

Sebarang keputusan penggantungan adalah berdasarkan ketetapan yang diputuskan oleh Majlis.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN : 57

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA **YB PUAN TAN AH
HENG (GELANG
PATAH)**

TARIKH **31.03.2011**
(KHAMIS)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan :-

- (a) langkah-langkah yang berkesan untuk menyelesaikan masalah projek pembinaan Kompleks 7 Briged Askar di kawasan Skudai yang dikenal pasti merupakan punca berlaku banjir; dan**

- (b) langkah-langkah yang tegas terhadap pemaju yang tidak bertanggungjawab iaitu Kausar Corporation Sdn. Bhd. (KCSB) yang peratusan pembinaan projek masih pada tahap 18.3 peratus.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kementerian telah melaksanakan kerja-kerja pembaikan dengan memasang perangkap lumpur (*slit-trap*) bagi mengatasi masalah banjir di kawasan kejiran tersebut. Kerja-kerja tambahan seperti mendalamkan perparitan dijangka akan dilaksanakan pada akhir bulan Mei 2011.

Kerajaan telah membuat keputusan menamatkan Projek Penswastaan dengan Syarikat KSCB Konsortium Sdn Bhd pada 12 Januari 2011. Pada masa ini, Kementerian sedang melaksanakan proses perundangan bagi penamatan kontrak terhadap Syarikat KSCB tersebut yang gagal menyiapkan Projek Kompleks Kem 7 Brigade di Skudai, Johor sehingga menyebabkan berlaku banjir lumpur di sekitar kawasan perumahan tersebut. Di samping itu, Kementerian juga sedang berusaha untuk mengambil tindakan menuntut ganti rugi daripada pihak Syarikat KSCB di atas kegagalan menyiapkan Projek Kem Tentera di Skudai dalam tempoh yang ditetapkan.

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN**

RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA TUAN AZAN BIN ISMAIL
(INDERA MAHKOTA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 31.03.2011

Tuan Azan bin Ismail (Indera Mahkota) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan kaedah perlaksanaan pelaburan EPF untuk portfolio antarabangsa sebagaimana yang telah dinaikkan kepada 20 peratus dan bagaimanakah kesannya setakat dan jangkaannya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, dana KWSP setakat 31 Disember 2010 berjumlah RM441 bilion. Selaras dengan pertumbuhan aset pelaburan KWSP pada kadar 7% - 8% setahun dan tujuan diversifikasi pelaburan, terdapat keperluan untuk KWSP meluaskan pelaburan ke pasaran luar negara. Setakat ini, pelaburan

JAWAPAN:
luar negara

yang telah dilakukan oleh KWSP adalah dalam bentuk pelaburan ekuiti global dan pelaburan dana.

2. Dari segi pelaksanaan pelaburan portfolio antarabangsa KWSP yang ditingkatkan kepada 20 peratus ini, kaedah yang digunakan ialah melabur di beberapa negara negara yang terpilih dalam pelbagai kelas aset seperti pelaburan ekuiti, pendapatan tetap dan hartanah serta merangkumi kedua-dua pelaburan konvensional dan syariah. Kaedah ini bertujuan untuk memastikan portfolio pelaburan antarabangsa KWSP mencapai pulangan pelaburan dan tahap diversifikasi yang baik. Pelaburan luar negara juga dibuat secara berperingkat-peringkat dan dijangka mencapai sasaran 20 peratus dalam tempoh masa 3 hingga 5 tahun akan datang bergantung kepada keadaan dan prestasi pasaran antarabangsa.
3. Setakat 31 Disember 2010, pelaburan antarabangsa telah memberikan pulangan pelaburan yang memberangsangkan dengan pulangan purata setahun melebihi 7% sejak dimulakan pada tahun 2006. Memandangkan ekonomi global telah mula menunjukkan tanda-tanda pemulihan yang baik dan dengan andaian keadaan politik di Timur Tengah pulih kembali serta harga minyak tidak terus melambung, KWSP dijangka akan menikmati pulangan pelaburan yang baik daripada pelaburan antarabangsa.

SOALAN (59)

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN LISAN

TARIKH : 31 MAC 2011 (KHAMIS)

DARIPADA Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]

SOALAN

Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

- (a) adakah pihak Kementerian berhasrat untuk menjalankan kerja- kerja menaik taraf Balai Bomba Bintulu dari segi penyediaan kelengkapan, penggunaan jentera moden dan lain-lain memandangkan Bintulu sedang pesat membangun dengan terdapatnya bangunan tinggi; dan
- (b) bilakah kali terakhir pihak Kementerian membekal atau menjalankan kerja-kerja naik taraf ini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Balai Bomba dan Penyelamat Bintulu, Sarawak telah siap dibina pada tahun 1992 dan masih di dalam keadaan baik bagi menampung keperluan perkhidmatan kebombaan di kawasan Parlimen Bintulu. Balai Bomba ini telah dilengkapi dengan peralatan seperti berikut :-
 - 1 unit Jentera Bomba *Fire Rescue Tender* (FRT)
 - 1 unit Jentera Bomba *Light Fire Rescue Tender* (LFRT)
 - 3 unit kenderaan utiliti

(Pajero, Perodua Kembara dan Van)
1 unit Bot Penyelamat

- 2 unit Bot Penyelamat daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN) Kekuatan anggota adalah seramai 72 orang. Pada masa ini kekuatan anggota dan kelengkapan yang sedia ada adalah mencukupi untuk menangani kecemasan di Bintulu.

Industri-industri besar di sekitar Bintulu telah menyediakan pasukan keselamatan kebakaran tersendiri bagi menangani kecemasan di peringkat awal sebelum ketibaan pasukan dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

- b) Untuk makluman, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sentiasa memastikan agar segala keperluan perkhidmatan kebombaan di semua Balai Bomba seluruh negara diselenggara dengan baik dan sentiasa bersiap sedia pada setiap masa. Pada tahun 2009, Jabatan ini telah melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan Balai Bomba ini dan lain-lain kemudahan semasa Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua (PRE II) dengan kos projek sebanyak RM 159,000.00.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2011

PERTANYAAN

NO. AUM :JgS"4v^

DARIPADA

NO. AUP : £ 0

LISAN

TARIKH

**RUJUKAN PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI]**

31 MAC 2011

3444

SOALAN:

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

- (a) berapakah tahanan/Orang Kena Tuduh (OKT) yang mati semasa berada di lokap dan semasa di bawah jagaan polis sejak 2000 hingga Disember 2010; dan

(b) apakah sebab-sebab utama kematian mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, bagi menjawab soalan (a), secara keseluruhannya jumlah kes kematian dalam tahanan polis dari tahun 2000 hingga 2010 adalah seramai 151 orang.

Bagi menjawab soalan (b), sebahagian besar daripada kematian orang tahanan dalam lokap adalah berpunca daripada masalah kesihatan seperti penyakit HIV, asma dan sakit jantung. Selain daripada itu, sebab utama kematian yang lain adalah seperti menggantung diri dan juga pergaduhan sesama tahanan.

NO. AUM : 15

NO. AUP :

Q 1

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN LISAN

TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB [KUBANG KERIAN]
DARIPADA]

31 MAC 2011

TARIKH 3442

RUJUKAN

SOALAN:

Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah tindakan pihak Kementerian terhadap isu tempoh latihan anggota PDRM yang semakin singkat (3 bulan). Adakah pihak Kementerian bersetuju bahawa tempoh ini memang tidak mencukupi bagi melahirkan anggota PDRM yang lebih cekap dan efisien.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kubang Kerian yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Tempoh latihan anggota PDRM yang dipendekkan kepada tiga bulan sebelum ini adalah sebenarnya bagi menjalani Latihan Asas selama tiga bulan di Pusat Latihan Polis (PULAPOL) dan seterusnya menjalani Latihan Amali selama tiga bulan di formasi di mana anggota PDRM itu menjalani pertukaran. Tempoh latihan asas selama tiga bulan ini telah dilaksanakan bermula pada pertengahan Februari 2010 bagi mencapai pertambahan kekuatan PDRM seramai 60,000 menjelang tahun 2012. Walaubagaimanapun, tempoh latihan asas di PULAPOL telah dikembalikan semula kepada enam bulan mulai 16 Jun 2010.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

TUAN MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT

TARIKH

31 MAC 2011 (KHAMIS)

SOALAN

NO. 62

Tuan Mohd Abdul Wahid bin Endut [Kuala Terengganu] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan jenis dan bentuk bantuan kepada pelajar-pelajar Malaysia yang terpaksa dibawa pulang dari Mesir dan menangguhkan pengajian mereka sehingga satu tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengesahkan bahawa keadaan di Mesir kini telah pulih dan para pelajar boleh kembali meneruskan pengajian mereka di sana.

Kementerian Pengajian Tinggi telah menukuhan satu Pasukan Petugas (*Task Force*) bagi menangani isu-isu yang dihadapi oleh pelajar. Melalui perbincangan dengan universiti di Mesir pada 18 hingga 26 Februari 2011, pelajar-pelajar Malaysia telah dibenarkan mendaftar di antara tempoh 12 Mac hingga 8 April 2011 bergantung kepada tarikh yang ditetapkan oleh universiti masing-masing.

NO SOALAN : 63

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN KHAIRY
 JAMALUDDIN
 (REMBAU)

TARIKH 31.03.2011
 (KHAMIS)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk mengkaji corak, sistem dan struktur latihan anggota rejimen gerak khas dan komando negara secara saintifik dan tersusun terutama sekali bagi meningkatkan lagi ketahanan fizikal dan kecekapan yang berterusan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Corak, sistem dan struktur latihan yang diadaptasikan dalam Gerak Khas adalah tidak statik, ianya sentiasa dikaji secara saintifik selaras dengan keperluan Tentera Darat dan ancaman semasa. Dari aspek struktur latihan, penekanan diberi kepada latihan individu dan kolektif berkonsepkan *Learn, Unlearn* dan *Relearn*. Pendekatan latihan semasa yang diterapkan oleh Gerak Khas adalah berpandukan kepada Latihan Penilaian Berasaskan Kompetensi (LPBK) yang telah dikaji

keberkesanannya oleh Tentera Darat.

Corak latihan yang digunakan pula adalah berpandukan kepada doktrin Gerak Khas yang telah dibangunkan serta dipraktikkan semasa latihan medan di peringkat pasukan dan Gerup Khas. Di samping itu, Gerak Khas juga melaksanakan latihan bersama pasukan khusus negara asing, pertukaran jurulatih dan penghantaran pegawai serta anggota berkursus ke luar negara. Hasil daripada itu, Gerak Khas dapat meningkatkan kepakaran terkini serta mengenalpasti peralatan yang berteknologi terkini setanding dengan peralatan pasukan di dunia untuk digunakan oleh Gerak Khas setelah dibuat Penyelidikan dan Pembangunan (R&D).

Ketahanan fizikal dan kepakaran anggota Gerak Khas juga dipantau secara berterusan dan bersistematik. Konsep yang diterapkan untuk menguji ketahanan fizikal dan kepakaran mereka secara berterusan adalah berpandukan kepada sistem Ujian Kecergasan Asas (UKA), Ujian Kecergasan Tempur (UKT) dan Ujian Kemahiran Kepakaran Individu (UKKI) Gerak Khas.

Secara umumnya corak, sistem, struktur latihan dan kepakaran anggota Rejimen Gerak Khas adalah dikaji serta digubal secara saintifik mengikut peredaran masa dan keperluan Tentera Darat serta negara. Dalam ertikata lain, Tentera Darat dan Gerak Khas adalah merupakan satu organisasi pembelajaran yang berterusan serta proses ini sentiasa berjalan dan tidak statik.

SJ.B/(72)

PEMBERITAHU

**PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU
(TELOK INTAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 31.03.2011

Tuan Manogaran a/l Marimuthu (Telok Intan) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apabila seorang pembeli / pemilik rumah tidak dapat membayar bayaran ansuran kepada bank maka bank mengambil tindakan undang-undang untuk perintah jualan rumah itu. Bolehkah Kerajaan mengusul satu undang-undang baru untuk melarang bank untuk menjual rumah melalui lelongan jika rumah itu adalah rumah kediaman (*Dwelling House*) di mana pembeli / pemilik mempunyai hanya satu rumah yang didiami dengan keluarganya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, para peminjam yang menghadapi kesulitan membayar ansuran pinjaman, terutamanya akibat dari kehilangan pekerjaan atau masalah pendapatan mempunyai

beberapa pilihan atau alternatif untuk membantu meringankan beban kewangan mereka. Di antaranya adalah seperti berikut:

- (i) menghubungi institusi kewangan untuk menstrukturkan atau menjadualkan semula pinjaman individu yang terbabit untuk mengurangkan jumlah pembayaran balik pinjaman; dan
- (ii) mendapatkan khidmat Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) yang telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia bertujuan untuk menyediakan perkhidmatan kaunseling kredit dan penstrukturkan semula pinjaman kepada individu. Perkhidmatan AKPK adalah secara percuma dan merangkumi penstrukturkan semula hutang yang berkaitan dengan pinjaman perumahan, sewa beli, kad kredit dan pinjaman peribadi yang diperoleh daripada institusi kewangan di bawah pengawalseliaan Bank Negara Malaysia.

2. Mengenai isu lelongan, institusi kewangan hanya akan memulakan prosedur lelongan sebagai jalan terakhir, iaitu setelah semua usaha penyelesaian menemui jalan buntu. Namun demikian, jika peminjam mendapati bahawa institusi kewangan telah bertindak untuk memulakan prosedur lelongan tanpa memberi peluang yang sewajarnya bagi menyelesaikan atau menstrukturkan semula pinjaman tersebut, maka peminjam bolehlah menghubungi Bank Negara Malaysia seperti berikut:

- a) BNMLINK, Blok D, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur
- b) BNMTELELINK
 - o Tel: 1-300-88-5465 o Faks: 03-2174 1515
 - o E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

3. Lelongan adalah jalan penyelesaian yang disediakan oleh sistem perundangan untuk memastikan sistem pinjaman kewangan berjalan dengan lancar. Hasil jualan lelongan boleh mengurangkan beban hutang peminjam di samping memberi jaminan kepada institusi kewangan bahawa peminjam akan lebih komited untuk menentukan hutang diselesaikan seperti yang dijanjikan. Jika lelongan dilarang, ini akan menyukarkan pengguna mencari institusi kewangan yang bersedia untuk memberikan pinjaman perumahan.

SULIT

NO:65

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA	PE RT AN YA AN	LISA N
TARIKH		DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED [PULAI]

31 MAC 2011 (KHAMIS)

SOALAN NO. 71 (AUM M/S. 285)

Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulai] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menggalakkan sukan renang di Malaysia.

JAWAPAN

Langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Belia dan Sukan adalah:

1. Memastikan sukan renang sebagai sukan wajib dalam temasya Sukan Malaysia.
2. Menggalakkan penganjuran kejohanan renang tempatan dan antarabangsa di Malaysia supaya masyarakat dapat melibatkan diri secara langsung, seterusnya melahirkan minat khususnya di kalangan pelajar sekolah.
3. Menggalakkan orang awam menggunakan kemudahan sukan renang di Pusat Akuatik Nasional, Kompleks Sukan Negara dengan kadar caj serendah RM5.00.
4. Membangunkan Pusat Akuatik di Kuching Sarawak yang bertaraf dunia dan Kompleks Sukan di Kampung Pandan untuk atlet Orang Kelainan Upaya (OKU).
5. Selain itu, sebanyak 34 buah Kelab Renang di seluruh negara yang turut memainkan peranan untuk membangunkan dan menggalakkan sukan renang di negara ini.

NO.SOALAN: 66

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN
DARIPADA**

**LISAN
TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN
ISMAIL [MACHANG]**

TARIKH 31 MAC 2011

SOALAN

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah Kerajaan mempunyai garis panduan mengenai sejumlah wang yang boleh disimpan oleh pegawai yang bertugas dengan pemimpin politik di dalam Kerajaan.

**JAWAPAN: YB. DATUK SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam konteks pegawai awam, mereka yang memperoleh dan memiliki harta termasuk wang tunai perlu membuat pengisyhtaran kepada ketua jabatan masing-masing termasuk bagi yang bertugas dengan ahli politik.

Mengenai jumlah wang yang boleh disimpan oleh pegawai yang bertugas dengan pemimpin politik dalam Kerajaan, pada masa kini kerajaan tidak mempunyai garis panduan khusus mengenai perkara tersebut. Namun begitu, semua pegawai Kerajaan adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan termasuklah tatakelakuan pegawai awam dan peraturan

kewangan.

Sekian. Terima kasih.

NO. AUM : 8

NO. AUP : 4^

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI HAMZAH
[JASIN]

TARIKH 31 MAC 2011

RUJUKAN 3441

SOALAN:

JAWAPAN:

Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan pendekatan melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang diguna pakai dalam usaha mempercepatkan proses permohonan warganegara tanpa mengabaikan aspek keselamatan dan tanpa melonggarkan syarat-syarat seperti mana yang terkandung dalam Perlembagaan negara/undang-undang sedia ada.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Jasin yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kementerian di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) telah menetapkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi mempercepatkan proses permohonan warganegara.

KPI Kementerian bagi tahun semasa mensasarkan tempoh pemprosesan permohonan warganegara adalah setahun dari tarikh permohonan lengkap diterima. Kementerian juga telah menujuhkan Task Force bagi meneliti, memantau dan memastikan permohonan warganegara diproses dalam tempoh masa yang ditetapkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sentiasa komited dalam merangka usaha-usaha penambahbaikan dari semasa ke semasa bagi mempercepatkan proses permohonan warganegara berlandaskan syarat-syarat yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan tanpa mengabaikan aspek keselamatan.